

KANDUNGAN

BAB 1 : PENDAHULUAN

- 1.1 Pengenalan
- 1.2 Objektif
- 1.3 Skop
- 1.4 Kaedah
- 1.5 Kesimpulan

BAB 2 : KONSEP FIDYAH DAN KAFFARAH DALAM ISLAM

- 2.1 Pengenalan
- 2.2 Konsep Fidyah
 - 2.2.1 Definisi Fidyah
 - 2.2.2 Dalil Pensyariatan Fidyah
 - i. Nas-nas Al-Quran
 - ii. Sunnah Rasulullah ﷺ
 - iii. Ijmak
 - 2.2.3 Hikmah Pensyariatan Fidyah
 - 2.2.4 Hukum Membayar Fidyah
 - 2.2.5 Sebab-sebab Dikenakan Fidyah
 - i. Meninggalkan Puasa Kerana Tua
 - ii. Meninggalkan Puasa Kerana Sakit Kronik
 - iii. Meninggalkan Puasa Kerana Mengandung dan Menyusukan Anak
 - iv. Melewatkan Qada Puasa
 - 2.2.6 Kadar Bayaran Fidyah
 - 2.2.7 Waktu Membayar Fidyah
 - 2.2.8 Kaedah Membayar Fidyah
- 2.3 Konsep Kaffarah
 - 2.3.1 Definisi Kaffarah
 - 2.3.2 Dalil Pensyariatan Kaffarah
 - i. Nas-nas Al-Quran
 - ii. Sunnah Rasulullah ﷺ
 - iii. Ijmak

- 2.3.3 Hikmah Pensyariatian Kaffarah
- 2.3.4 Hukum Membayar Kaffarah
- 2.3.5 Sebab dan Kesalahan Dikenakan Kaffarah
 - i. Persetubuhan Pada Siang Hari Bulan Ramadan
 - ii. Melanggar Sumpah
 - iii. Melanggar Nazar
 - iv. Ila'
 - v. Zihar
 - vi. Pembunuhan Tidak Sengaja
- 2.3.6 Kadar Kaffarah
- 2.3.7 Waktu Penunaian Kaffarah
- 2.3.8 Kaedah Membayar Kaffarah
- 2.4 Pihak Yang Berhak Menerima Bayaran Fidyah dan Kaffarah
- 2.5 Isu-isu/Permasalahan Berkaitan Fidyah dan Kaffarah
 - i. Fidyah berganda
 - ii. Pembayaran fidyah dan kaffarah dalam bentuk nilai makanan
 - iii. Melakukan jimak semasa berpuasa sunat
 - iv. Mengeluarkan air mani pada siang Ramadan
 - v. Kaffarah Puasa Suami Yang Meninggal
 - vi. Kaffarah Puasa Berganda Jika Persetubuhan Dilakukan Berulang Kali
 - vii. Persetubuhan Dilakukan Di Siang Hari Ramadan Dengan Membatalkan Puasa Terlebih Dahulu
 - viii. Tidak Mampu Melakukan Semua Bentuk Kaffarah
- 2.6 Kesimpulan

BAB 3 : PENGURUSAN FIDYAH DAN KAFFARAH DI MALAYSIA

- 3.1 Pengenalan
- 3.2 Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Sebagai Pemegang Amanah

- 3.3 Peranan Agensi-agensi Berkaitan
 - 3.3.1 Majlis Agama Islam Negeri
 - 3.3.2 Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
- 3.4 Prosedur Pengurusan Fidyah dan Kaffarah di Baitulmal MAIN
 - 3.4.1 Prosedur Penerimaan
Carta Aliran Bayaran Fidyah dan Kaffarah
 - 3.4.2 Prosedur Agihan
 - i. Agihan Kaunter
Carta Aliran Agihan Fidyah dan Kaffarah
Secara Kaunter
 - ii. Agihan "One Off"
Carta Aliran Agihan Fidyah dan Kaffarah
Secara "One Off"
- 3.5 Kaedah Perakaunan untuk Penerimaan dan Pengagihan Hasil Fidyah dan Kaffarah
 - 3.5.1 Penerimaan Hasil Fidyah dan Kaffarah
 - 3.5.2 Pengagihan Hasil Fidyah dan Kaffarah
- 3.6 Kesimpulan

BAB 4 : PENUTUP

- 4.1 Pengenalan
- 4.2 Langkah-langkah Memperkasa Pengurusan Fidyah dan Kaffarah di Baitulmal MAIN
 - i. Cadangan Penambahbaikan Pengurusan Fidyah dan Kaffarah
 - ii. Penyeragaman Pentadbiran Fidyah dan Kaffarah di Negeri-Negeri
 - iii. Penyeragaman Kadar Fidyah di Seluruh Negara
- 4.3 Impak
 - i. Peningkatan Ilmu Pengetahuan dan Kefahaman Umat Islam Tentang Konsep Fidyah dan Kaffarah
 - ii. Peningkatan Masyarakat Islam Yang Menunaikan Fidyah dan Kaffarah

- iii. Pengurusan Fidyah dan Kaffarah Yang Seragam di Setiap Baitulmal MAIN

4.4 Kesimpulan

LAMPIRAN

Lampiran 1 – Contoh Borang Pengagihan Fidyah / Kaffarah

Lampiran 2 – Contoh Borang Pengagihan Bekalan Makanan
(Fidyah / Kaffarah)

RUJUKAN

PENGHARGAAN



Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri (JPM) merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang padu dalam menyiapkan Manual Pengurusan Fidyah dan Kaffarah (MPFK) ini. Khususnya, sekalung penghargaan diucapkan kepada para pakar rujuk iaitu YBhg. Dr. Saadan bin Man, Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM) dan YBrs. Us. Mat Nor bin Mat Zain, Pensyarah Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta para pegawai daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Perbadanan Baitulmal dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) yang telah menyumbang idea dan saranan bagi penerbitan MPFK ini. Semoga kesudian YBhg. Dr./tuan/puan berkongsi ilmu, kepakaran dan pengalaman dalam merealisasikan penerbitan MPFK ini dinilai sebagai aml soleh di sisi Allah ﷻ dan mendapat balasan pahala berlipat ganda, insya-Allah. *Jazakumullahu khairan kathira...*

ABSTRAK



“Manual Pengurusan Fidyah dan Kaffarah” (MPFK) merupakan salah satu terbitan Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang menyediakan panduan serta tadbir urus terbaik berkaitan pengurusan fidyah dan kaffarah. Sehingga kini, pengurusan fidyah dan kaffarah diuruskan mengikut kaedah pentadbiran yang ditetapkan oleh negeri masing-masing dan masih belum wujud satu prosedur atau garis panduan yang seragam dan komprehensif yang boleh dijadikan rujukan dalam pengurusan fidyah dan kaffarah di Malaysia.

Di dalam MPFK ini, setiap bab diperkemas dengan pengagihan tajuk dan huraian yang sesuai di mana Bab Pertama mengandungi objektif, skop dan kaedah penyediaan manual. Seterusnya, diikuti dengan Bab Kedua yang menyentuh konsep fidyah dan kaffarah dalam Islam yang meliputi definisi, dalil pensyariatan, hikmah pensyariatan, hukum, sebab-sebab, kadar bayaran, waktu bayaran dan kaedah bayaran fidyah dan kaffarah. Selain itu, bab ini juga menerangkan tentang pihak yang berhak menerima fidyah dan kaffarah serta isu-isu / permasalahan berkaitan fidyah dan kaffarah.

Bab Ketiga pula menghuraikan secara terperinci mengenai pengurusan fidyah dan kaffarah di Malaysia di mana kumpusan dibuat berdasarkan beberapa topik kecil iaitu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah, peranan agensi-agensi berkaitan, prosedur pengurusan fidyah dan kaffarah dan kaedah perakaunan untuk penerimaan dan pengagihan hasil fidyah dan kaffarah di Baitulmal MAIN.

Bab Keempat iaitu bab yang terakhir pula menerangkan tentang langkah-langkah memperkasa pengurusan fidyah dan kaffarah di Baitulmal MAIN serta impak yang diharapkan daripada penerbitan MPFK ini. Turut dilampirkan ialah contoh Borang Pengagihan Fidyah/Kaffarah MAIN dan Borang Pengagihan Bekalan Makanan (Fidyah/Kaffarah) MAIN. Penerbitan MPFK ini diharap dapat memberikan kefahaman dan kesedaran kepada umat Islam mengenai

kepentingan fidyah dan kaffarah yang berkait rapat dengan kesempurnaan ibadah serta prosedur-prosedur yang betul dan seragam yang perlu dilaksanakan dalam pembayaran atau agihan fidyah dan kaffarah supaya ia dapat menjadi gentian yang dapat menyempurnakan ibadah seseorang itu yang tidak dapat dilaksanakan.

Kesimpulannya, MPFK ini perlu dijadikan rujukan dan diguna pakai bagi membantu memperkasa dan memperkemaskan sistem pengurusan selaras dengan usaha JAWHAR bagi memantapkan tadbir urus institusi mal dan meningkatkan pembangunan sosioekonomi ummah untuk menuju mercu kegemilangan, insya-Allah.

GLOSARI



1. **Asah** : Paling sah / muktamad
2. **Badaniyyah** : Berkaitan badan / jasmani
3. **Fakir ‘araya** : Orang yang sama sekali tidak mempunyai wang
4. **Fiqh** : Ilmu pengetahuan tentang hukum dalam agama Islam
5. **Ila’** : Sumpah yang dibuat oleh seorang suami yang mampu bersetuuh untuk tidak menyetubuhi isterinya selama tempoh lebih daripada 4 bulan atau tanpa menyebutkan tempoh atau dengan selama-lamanya.
6. **Iltizam** : Mewajibkan diri
7. **Kafir harbi** : Orang musyrik yang harus ditentang kerana sikapnya yang bermusuh dan memerangi Islam
8. **Lagha** : Tidak terpakai / terbatal
9. **Maliyyah** : Berkaitan harta
10. **Maslahah ‘ammah** : Kebajikan masyarakat secara umum
11. **Masyaqqah** : Kesusahan
12. **Mu’abbad** : Secara kekal
13. **Mud** : Cupak
14. **Muwassa** : Luas
15. **Nasuha** : Tulus hati
16. **Niyabah** : Gantian
17. **Qiyas** : Menyamakan sesuatu perkara yang tidak dinaskan hukumnya dengan perkara lain yang dinaskan hukumnya, pada huum yang dinaskan tersebut kerana kedua-duanya mempunyai persamaan pada ‘illah hukum (menurut Dr. ‘Abd al-Karim Zaydan)
18. **Qurbah** : Sesuatu yang boleh menghampirkan diri dengan Allah / kebajikan
19. **Qut al-balad** : Makanan ruji
20. **Syibh al-‘amd** : Menyerupai sengaja
21. **Zhann** : Sangkaan / agakan

BAB 1



PENDAHULUAN

Firman Allah ﷻ yang bermaksud :

“...Dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa yang dengan suka rela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui.”

(Surah al-Baqarah, ayat 184)

1.1 PENGENALAN

Manual Pengurusan Fidyah dan Kaffarah (MPFK) ini diterbitkan bertujuan untuk menerangkan perihal kepentingan pengurusan fidyah dan kaffarah di kalangan umat Islam serta menyediakan garis panduan kepada agensi berkaitan dan umat Islam seluruhnya. Selain itu, MPFK juga merupakan manifestasi daripada salah satu peranan JAWHAR sebagai Agensi Persekutuan dalam menerbitkan Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang bertujuan meningkatkan tadbir urus terbaik institusi-institusi wakaf, zakat, mal dan haji di Malaysia. Bab pertama ini menyentuh aspek penyediaan MPFK yang terdiri daripada objektif, skop dan kaedah penyediaan MPFK.

1.2 OBJEKTIF

MPFK ini bertujuan untuk:

- i. Menyediakan garis panduan serta prosedur yang jelas mengenai pengurusan fidyah dan kaffarah oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN);
- ii. Menyeragamkan prosedur pengurusan fidyah dan kaffarah bagi semua MAIN;
- iii. Menambah baik dan meningkatkan tahap kecekapan pengurusan fidyah dan kaffarah oleh MAIN; dan
- iv. Menyebarkan ilmu pengetahuan berkaitan fidyah dan kaffarah kepada masyarakat umum.

1.3 SKOP

MPFK ini secara umumnya menyentuh tentang fidyah dan kaffarah serta kaedah tadbir urus terbaik yang perlu diimplementasi serta dilaksanakan dengan sistematik. MPFK ini pada bahagian awalnya akan menjelaskan tentang konsep fidyah dan kaffarah dari segi definisi, dalil pensyariatan, hikmah pensyariatan, hukum, sebab-sebab dikenakan, kadar bayaran, waktu membayar, kaedah bayaran, pihak yang berhak menerima bayaran dan isu-isu/permasalahan berkaitan fidyah dan kaffarah.

Seterusnya, MPFK ini akan menyentuh tentang prosedur dan kaedah tadbir urus terbaik fidyah dan kaffarah dari segi peruntukan perundangan, peranan agensi-agensi berkaitan, tanggungjawab Baitulmal dalam kutipan dan agihan, prosedur pentadbiran di Baitulmal, akaun amanah serta langkah-langkah memperkasa pentadbiran fidyah dan kaffarah di Baitulmal.

Justeru, MPFK ini adalah bertujuan untuk memberi garis paduan dan ia terbuka untuk rujukan masyarakat umum agar lebih peka dengan kepentingan pengurusan fidyah dan kaffarah

yang berkait rapat dengan kesempurnaan ibadat yang dilaksanakan terutamanya puasa.

1.4 KAEDAH

MPFK ini disediakan melalui kaedah perbincangan secara langsung, brainstorming (sumbang saran) idea, kepakaran serta pengalaman para ahli akademik daripada Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengurusan fidyah dan kaffarah di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di setiap negeri serta pegawai-pegawai kanan JAWHAR. Kepakaran dan pengalaman kesemua yang terlibat dikumpul dan dicanai dalam beberapa siri mesyuarat sehingga MPFK ini berjaya diterbitkan.

1.5 KESIMPULAN

Justeru, adalah diharapkan agar penerbitan MPFK ini dapat memberi impak yang positif kepada MAIN khasnya dan umat Islam amnya dalam urusan pembayaran fidyah dan kaffarah. Secara tidak langsung juga, MPFK akan memberi kesedaran kepada orang ramai dalam melihat signifikan kewujudan institusi Baitulmal serta peranannya sebagai pentadbir (wasi) dan pemegang amanah harta umat Islam yang bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan masyarakat secara umum (masalah ámmah) sebagaimana peranannya pada zaman kegemilangan tamadun Islam suatu ketika dahulu.

BAB 2



KONSEP FIDYAH DAN KAFFARAH DALAM ISLAM

Firman Allah ﷻ yang bermaksud :

“...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa(maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).”

(Surah al-Baqarah, ayat 184)

2.1 PENGENALAN

Manusia sememangnya banyak memikul tanggungjawab dan kewajipan yang mesti ditunaikan sama ada kewajipan itu ditetapkan oleh Syarak seperti sembahyang, puasa dan seumanya atau pilihan diri sendiri seperti nazar, sumpah dan sebagainya. Namun demikian, dalam keadaan tertentu tidak semua kewajipan itu mampu ditunaikan. Sesetengah kewajipan itu jika tidak ditunaikan ia tidak menimbulkan apa-apa risiko duniawi, hanya ukhrawi sahaja. Manakala sesetengah kewajipan yang lain jika tidak ditunaikan boleh menimbulkan implikasi di dunia lagi.

Implikasi itu berbeza-beza mengikut bentuk kewajipan dan berdasarkan ketetapan Syarak seperti mengqada ibadah yang ditinggalkan, membayar fidyah, membayar kaffarah dan sebagainya. Oleh itu Bab ini akan menghuraikan konsep fidyah dan kaffarah dalam Islam dari segi definisi, dalil pensyariatan, hikmah pensyariatan, hukum, sebab-sebab, kadar, waktu, kaedah, pihak yang berhak menerima dan isu-isu/permasalahan berkaitan fidyah dan kaffarah.

2.2 KONSEP FIDYAH

2.2.1 DEFINISI FIDYAH

Fidyah adalah perkataan dalam Bahasa Arab yang berasal dari kata akar fada (فدى) yang membawa maksud menebus. Dalam disiplin fiqh, fidyah sering juga dirujuk dengan istilah-istilah lain seperti kaffarah dan dam. Kadangkala istilah fidyah ini digunakan sama dengan kaffarah.

Fidyah ialah sesuatu yang dibayar untuk menebus diri, baik berbentuk harta atau tindakan lain yang dilakukan kerana kekurangan dalam salah satu amal ibadah. Dalam beberapa hal, fidyah ini hampir sama dengan kaffarah, bagaimanapun sebahagian fuqaha membezakan fidyah dengan kaffarah di mana kaffarah tidak wajib melainkan kerana dosa yang telah dilakukan, sedangkan fidyah merupakan bayaran denda untuk sesuatu amal ibadat yang tertinggal atau dilaksanakan secara tersalah.

2.2.2 DALIL PENSYARIATAN FIDYAH

Pensyariatian fidyah disebut dalam al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak sebagaimana berikut:

i. Nas-nas al-Quran

Firman Allah ﷻ :

أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ
أَيَّامٍ أُخَرَ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ فَمَنْ تَطَوَّعَ
خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya : *“(Puasa yang diwajibkan itu ialah) dalam beberapa hari yang tertentu; maka barangsiapa di antara kamu yang sakit atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain; dan wajib atas orang-orang yang tidak berdaya puasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa yang dengan suka rela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahuinya.”*

(Surah al-Baqarah, ayat 184)

Ayat di atas menunjukkan hukum-hukum mengenai rukhsah atau keringanan yang diberikan kepada orang yang berpuasa dan apa yang perlu dilakukan oleh mereka. Rukhsah ini diberikan kepada orang sakit, musafir dan juga orang yang tidak berupaya. Bagi orang yang tidak berupaya dikehendaki membayar fidyah kepada orang miskin sebagaimana dinyatakan dengan jelas dalam ayat: *“...dan wajib ke atas orang-orang yang tidak berdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin...”*

Dalam ayat ini juga jelas bahawa fidyah itu ialah *طعام مسكين* iaitu memberi makan kepada orang miskin satu *mud* (cupak) daripada makanan asasi sesebuah negeri bagi setiap hari yang ditinggalkan puasanya itu.

ii. Sunnah Rasulullah ﷺ

عن ابن عمر عن النبي الله عليه وسلم قال من مات وعليه صيام شهر فليطعم عنه مكان كل يوم مسكيناً

Maksudnya: *Daripada Ibn 'Umar R.A., bahawasanya Nabi ﷺ bersabda: "Barang siapa yang mati sedangkan dia masih mempunyai puasa Ramadan, hendaklah diberi makan seorang miskin bagi setiap hari yang ditinggalkan bagi pihaknya."*

(Hadis riwayat Imam Tirmizi)

عن ابن عباس قال إذا مرض الرجل في رمضان ثم مات ولم
يصم أطعم عنه ولم يكن عليه قضاء وإن كان عليه نذر قضى
عنه وليه

Maksudnya: *Daripada Ibn 'Abbas R.A katanya: "Apabila seorang lelaki itu sakit pada bulan Ramadan kemudian mati dan dia tidak berpuasa, hendaklah diberi makan bagi pihaknya dan tidak wajib qada atasnya. Jika tertanggung atasnya nazar, maka hendaklah ia ditunaikan oeh wali (keluarganya)."*

(Hadis riwayat Abu Daud)

iii. Ijmak

Para Imam Mujtahid telah bersepakat (ijmak) tentang pensyariatian fidyah.

2.2.3 HIKMAH PENSYARIATAN FIDYAH

Islam sebagai agama yang lengkap menetapkan kaedah dan syarat yang tertentu dalam sesuatu ibadat khusus. Jika ia tidak dapat dilaksanakan dalam keadaan yang sempurna dan lengkap rukun serta syaratnya atau ia ditinggalkan dengan sebab tertentu, maka berlakulah ketidaksempurnaan dalam amalan ibadah berkenaan.

Hikmah pensyariatannya fidyah diantaranya ialah:

- i. Sebagai satu bentuk penebusan terhadap ketidaksempurnaan dalam melakukan sesuatu ibadah yang menyebabkan pelakunya berdosa.
- ii. Ia adalah jalan keluar yang disediakan oleh Islam bagi mereka yang menghadapi masalah dalam melakukan ibadah.
- iii. Sebagai *rukhsah* (keringanan) bagi mereka yang tidak mampu untuk melaksanakan ibadah secara *badaniyyah* dengan menggantikan dalam bentuk *maliyyah*.

2.2.4 HUKUM MEMBAYAR FIDYAH

Fidyah adalah satu bentuk ibadah niyabah (gantian) yang diberi pahala kepada pelakunya. Hukum menyempurnakan ibadah yang tidak sempurna adalah wajib dan justeru, hukum fidyah adalah wajib ke atas mereka yang ditentukan oleh Syarak. Dalam kes puasa misalnya, Allah ﷻ berfirman:

وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ

Maksudnya: "...dan wajib atas orang-orang yang tidak berdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin..."

(Surah al-Baqarah, ayat 184)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa membayar fidyah adalah wajib sebagai ganti puasa yang ditinggalkan kerana uzur. Fidyah adalah peluang yang diberi oleh Syarak terhadap seseorang untuk menyempurnakan amalan ibadahnya. Meninggalkan

fidyah akan menyebabkan ibadah seseorang yang rosak itu kekal rosak dan menyebabkannya kekal dalam dosa sehinggalah dia menunaikannya.

2.2.5 SEBAB-SEBAB DIKENAKAN FIDYAH

Sebab-sebab dikenakan fidyah yang disepakat oleh ulama adalah fidyah puasa dan fidyah haji (dam). Fidyah puasa ialah memberi makan kepada orang-orang fakir miskin dengan satu mud makanan asasi untuk setiap hari puasa wajib yang ditinggalkan dengan sebab-sebab tertentu. Puasa wajib ialah puasa pada bulan Ramada, puasa kaffarah dan puasa nazar. Terdapat beberapa sebab dalam puasa wajib yang jika ditinggalkan oleh seseorang akan dikenakan fidyah iaitu:

i. Meninggalkan puasa kerana tua

Lelaki dan wanita yang terlalu tua dan merasa tidak mampu untuk berpuasa dan jika beliau berpuasa akan menimbulkan masyaqqah (kesusahan) atau mudarat kepada diri dan kesihatan. Maka mereka boleh meninggalkan puasa dan menggantikannya dengan membayar fidyah iaitu memberi makan kepada orang fakir miskin bagi setiap hari yang ditinggalkannya.

ii. Meninggalkan puasa kerana sakit kronik

Sakit kronik ialah sakit yang berpanjangan dan tidak dapat diharapkan sembuh menurut pengalaman atau pengesahan pakar perubatan. Dalam keadaan ini bolehlah seseorang itu berbuka atau tidak berpuasa dan membayar fidyah bagi setiap hari puasa yang ditinggalkan.

iii. **Meninggalkan puasa kerana mengandung atau menyusukan anak**

Wanita yang mengandung dan wanita yang menyusukan anak sekiranya meninggalkan puasa kerana khawatir keselamatan anaknya, maka dalam hal ini wajib ke atasnya membayar fidyah dan juga qada bagi setiap hari puasa yang ditinggalkannya itu menurut Jumhur Fuqaha selain Mazhab Hanafi. Sebaliknya, sekiranya dia meninggalkan puasa kerana bimbang keselamatan dirinya sendiri, maka dia boleh berbuka puasa dan diwajibkan qada puasa sahaja tanpa perlu membayar fidyah menurut Jumhur Fuqaha.

iv. **Melewatkan qada puasa**

Orang yang menangguhkan qada puasanya sehingga tiba bulan Ramadan berikutnya, maka dia akan dikenakan fidyah bagi setiap hari yang ditangguhkan. Ini adalah menurut pendapat Jumhur Fuqaha yang terdiri daripada Mazhab Maliki, Syafii dan Hanbali. Menurut pendapat yang *asah* (paling sah/muktamat) dalam Mazhab Syafii, ia akan menjadi berganda jika bertambah pula tahun penangguhannya berbeza dengan pandangan Mazhab Maliki dan Hanbali yang mewajibkan fidyah sekali gus sahaja.

2.2.6 KADAR BAYARAN FIDYAH

Kadar fidyah sebagaimana yang disebutkan dalam perbincangan sebelum ini ialah satu *mud* atau secupak makanan asasi bagi sesebuah negara. *Mud* adalah ukuran tradisional yang digunakan dalam masyarakat Arab yang merujuk kepada sukatan isian dua tapak

tangan sederhana yang dibentangkan. Di Malaysia, ukuran satu *mud* yang diterima pakai adalah bersamaan dengan 675gram.

Mengikut Mazhab Syafii, fidyah hendaklah dibayar dengan makanan ruji (*qut al-balad*) dan tidak boleh dibayar dengan nilainya. Bagaimanapun, negeri-negeri di Malaysia telah menetapkan untuk menerima nilai beras itu bagi menggantikan beras dalam kes zakat fitrah, fidyah dan kaffarah. Nilai satu *mud* beras adalah berbeza-beza mengikut negeri dan mengikut harga pasaran beras.

2.2.7 WAKTU MEMBAYAR FIDYAH

Fuqaha sepakat menyatakan waktu membayar fidyah bermula sebaik sahaja ibadah berkenaan tidak dapat disempurnakan. Bagaimanapun waktunya *muwassa'* (luas) dan tidak terhad pada satu tempoh waktu yang tertentu. Namun demikian, digalakkan ia disegerakan kerana dikhuatiri tidak dapat dilaksanakan jika bertangguh.

Jika ia tidak sempat ditunaikan oleh orang yang wajib ke atasnya, ia berpindah kepada waris atau walinya. Bagi fidyah puasa yang ditangguhkan sehingga menjangkau Ramadan tahun berikutnya, ia menjadi berganda mengikut pandangan dalam Mazhab Syafii.

2.2.8 KAEDAH MEMBAYAR FIDYAH

Para ulama sepakat tentang kaedah bayaran fidyah puasa iaitu memberi makan kepada fakir miskin dengan kadar secupak makanan asasi sesebuah negeri bagi setiap hari yang ditinggalkan. Sebagai contoh, jika seseorang itu meninggalkan puasa selama lima belas

hari, maka fidyah yang perlu dikeluarkan ialah lima belas cupak makanan asasi. Hal ini bersandarkan kepada ayat al-Quran:

فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ ط

Maksudya: "...membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin..."

(Surah al-Baqarah, ayat 184)

Ayat tersebut jelas menyatakan bahawa bayaran fidyah puasa itu adalah untuk orang miskin. Bahkan dalam hadis-hadis Nabi ﷺ juga secara terang menyatakan bahawa fidyah itu hanya untuk orang miskin dan tiada keterangan yang menyatakan untuk mereka yang lain seperti asnaf zakat yang lapan. Dalam konteks Negara Malaysia, kaedah pembayaran fidyah juga ditentukan oleh institusi-institusi agama yang telah diberi kuasa.

2.3 KONSEP KAFFARAH

2.3.1 DEFINISI KAFFARAH

Perkataan kaffarah diambil daripada kata akar *kaffara* (كَفَّرَ) yang bermaksud menutup. Kaffarah dinamakan sedemikian kerana ia menutup dosa dan diberikan keringanan oleh Allah ﷻ. Kaffarah dari segi istilah Syarak adalah menunaikan kewajipan berbentuk harta atau tubuh badan disebabkan meninggalkan sesuatu tanggungjawab atau kewajipan hukum Syarak. Dengan ini, ia boleh dirumuskan sebagai satu tindakan yang boleh menghapuskan dosa sama ada dengan membebaskan hamba, bersedekah atau berpuasa dengan syarat-syarat tertentu.

2.3.2 DALIL PENSYARIATAN KAFFARAH

Menunaikan atau membayar kaffarah adalah sesuatu kewajiban yang disyariatkan dengan disepakati oleh Juhum Fuqaha bagi menutup sebahagian kesalahan dan dosa kerana melanggar hukum Syarak tertentu. Dalil pensyariatannya telah dinyatakan oleh al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak.

i. Nas-nas al-Quran

Mengenai kaffarah ila', Allah ﷻ berfirman:

لِّلَّذِينَ يُؤْلُونَ مِن دَسَائِهِمْ تَرَبُّصٌ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ فَإِن فَاءُوا فَإِنَّ
اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢٦﴾ وَإِن عَزَمُوا الطَّلَاقَ فَإِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ
عَلِيمٌ ﴿٢٢٧﴾

Maksudnya: “Kepada orang-orang yang bersumpah tidak akan mencampuri isteri-isteri mereka, diberikan tempoh empat bulan. Setelah itu jika mereka kembali (mencampurinya), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. Dan jika mereka berazam hendak menjatuhkan talak (menceraikan isteri), maka sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

(Surah al-Baqarah, ayat 226 dan 227)

Mengenai kaffarah kerana membunuh tidak sengaja, firman Allah ﷻ:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ أَن يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَأً وَمَن قَتَلَ مُؤْمِنًا
خَطَأً فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ إِلَّا أَن

يَصَدَّقُوا فَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ عَدُوٍّ لَكُمْ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَتَحْرِيرُ
 رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيثَاقٌ فَدِيَّةٌ
 مُسَلَّمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ ۖ وَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ فَمَنْ لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامٌ
 شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ تَوْبَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٩٢﴾

Maksudnya: “Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin yang lain, kecuali dengan tidak sengaja. Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar kaffarah) dengan memerdekakan seorang hamba yang beriman serta membayar “diah” (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga si mati), kecuali jika mereka sedekahkan (memaafkannya). Tetapi jika ia (yang terbunuh dengan tidak sengaja) dari kaum (kafir) yang memusuhi kamu, sedang ia sendiri beriman, maka (wajiblah si pembunuh membayar kaffarah sahaja dengan) memerdekakan seorang hamba yang beriman. Dan jika ia (orang yang terbunuh dengan tidak sengaja itu) dari kaum (kafir) yang ada ikatan perjanjian setia di antara kamu dengan mereka, maka wajiblah membayar “diah” (denda ganti nyawa) kepada keluarganya serta memerdekakan seorang hamba yang beriman. Dalam pada itu, sesiapa yang tidak dapat (mencari hamba yang akan dimerdekakannya), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut; (hukum yang tersebut) datangny dari Allah untuk menerima taubat (membersihkan diri kamu). Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah an-Nisa', ayat 92)

Mengenai kaffarah kerana melanggar sumpah, firman Allah ﷻ:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ
بِمَا عَقَّدْتُمُ الْأَيْمَانَ ۖ فَكَفِّرْهُنَّ ۖ إِطْعَامَ عَشْرَةِ مَسْكِينٍ مِنْ
أَوْسَطِ مَا تُطْعَمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرِ رَقَبَةٍ ۖ
فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ۚ ذَلِكَ كَفْرُهُ أَيْمَانِكُمْ إِذَا
حَلَفْتُمْ ۗ وَاحْفَظُوا أَيْمَانَكُمْ ۚ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ ۗ
لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٨٩﴾

Maksudnya: “Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah oleh-Nya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biaa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka atau memerdekakan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Yang demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah. Dan jagalah – peliharalah – sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (hukum-hakam ugama-Nya) supaya kamu bersyukur.”

(Surah al-Ma'idah, ayat 89)

Mengenai kaffarah zihar pula, Allah ﷻ berfirman:

وَالَّذِينَ يُظَاهِرُونَ مِنْ نِسَائِهِمْ ثُمَّ يَعُودُونَ لِمَا قَالُوا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَّ ذَٰلِكُمْ تُوعَظُونَ بِهِ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٣﴾ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَّ فَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَاِطْعَامُ سِتِّينَ مِسْكِينًا ذَٰلِكَ لِتُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ۗ وَتِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤﴾

Maksudnya: “Dan orang-orang yang “zihar”kan isterinya, kemudian mereka berbalik dari apa yang mereka ucapkan (bahawa isteri itu haram kepadanya), maka hendaklah (suami itu) memerdekakan seorang hamba sebelum mereka berdua (suami isteri) bercampur. Dengan hukum yang demikian, kamu diberi pengajaran (supaya jangan mendekati perkara yang mungkar itu). Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya akan apa yang kamu lakukan. Kemudian, sesiapa yang tidak dapat (memerdekakan hamba), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum mereka (suami isteri) itu bercampur. Akhirnya sesiapa yang tidak sanggup berpuasa, maka hendaklah ia memberi makan enam puluh orang miskin...”

(Surah al-Mujadalah. Ayat 3 dan 4)

ii. Sunnah Rasulullah ﷺ:

Abu Hurairah R.A. telah meriwayatkan bahawasanya:

بينما نحن جلوس عند رسول الله صلى الله عليه وسلم ، إذ جاءه رجل فقال : يا رسول الله ، هلكت . قال : ما لك ؟ . قال : وقعت على امرأتي وأنا صائم ، فقال رسول الله عليه وسلم : هل تجد رقبة تعتقها . قال : فهل تستطيع أن تصوم شهرين متتابعين . قال : لا . فقال فهل تجد إطعام ستين مسكينا . قال : لا . قال : فمكث النبي صلى الله عليه وسلم . فبينما نحن على ذلك أتى النبي صلى الله عليه وسلم بعرق فيه تمر ، والعرق المكتل ، قال : أين السائل ؟ . فقال : أنا . قال : خذ هذا فتصدق به . فقال الرجل : أعلى أفقر مني يا رسول الله ؟ . فوالله ما بين لابتيها ، يريد الحرطين ، أهل بيت أفقر من أهل بيتي . فضحك النبي صلى الله عليه وسلم حتى بدت أنيابه ثم قال : أطعمه أهلك .

Maksudnya: "Ketika kami duduk bersama Nabi ﷺ telah datang seorang lelaki kepada Baginda lalu berkata: "Ya Rasulullah, binasalah aku!" Baginda bersabda: "Kenapa dengan engkau?" Lelaki itu menjawab: "Ak telah menyetubuhi isteriku sedang aku berpuasa (Ramadan)." Lalu Baginda bersabda: "Adakah engkau mampu memerdekakan seorang hamba?" Lelaki itu menjawab: "Tidak." Lalu Baginda bersabda: "Adakah engkau mampu menunaikan puasa dua bulan berturut-turut?" Lelaki itu menjawab: "Tidak." Bersabda Baginda: "Maka adakah engkau mampu memberi makan enam

puluh orang miskin?" Lelaki itu menjawab: "Tidak." Abu Hurairah R.A. berkata: Maka Nabi ﷺ diam seketika, lalu telah dibawakan kepada Baginda setangkai tamar. Lalu Baginda bersabda: "Di manakah orang yang bertanya tadi?" Lelaki itu menjawab: "Saya." Lalu Baginda bersabda: "Ambillah ia dan sedekahkannya" Lelaki itu berkata: "Adakah kepada orang yang lebih fakir daripada aku ya Rasulullah? Maka demi Allah tiada lagi di kalangan kami di Madinah ini yang lebih fakir dari ahli keluargaku" Mendengar ucapan lelaki itu Rasulullah ﷺ tersenyum sehingga kelihatan gigi taringnya. Kemudian Baginda bersabda "Berilah makan kepada keluargamu." "

(Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim)

Sabda Nabi ﷺ yang menyuruh supaya menunaikan sumpah:

وإذا حلفت على يمين فرأيت غيرها خيرا منها فأت الذي هو خير، وكفر عن يمينك.

Maksudnya : "...Dan jika kamu telah bersumpah atas sesuatu kemudian kau melihat pada yang lebih maka laksanakanlah yang baik itu dan tebuslah kaffarah sumpahmu itu."

(Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim)

Sabda Nabi ﷺ yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A.

من حلفت على يمين ، فرأى غيرها خيرا منها ، فليكفر
عن يمينه ، وليفعل .

Maksudnya: “Sesiapa bersumpah (untuk melakukan sesuatu), kemudian dia berpendapat bahawa keadaan/perkara sebaliknya lebih baik daripada yang dilakukan sumpah itu, maka hendaklah beliau membayar kaffarah sumpahnya dan bolehlah dilakukan (apa yang dianggapnya lebih baik itu).”
(Hadis riwayat Imam Muslim, Abu Daud dan Tirmizi)

iii. Ijmak:

Imam an-Nawawi dan Ibn Qudamah telah menyatakan bahawa Ulama Islam telah sepakat secara ijmak semenjak zaman Nabi ﷺ. lagi mengenai pensyariatian kaffarah.

2.3.3 HIKMAH PENSYARIATAN KAFFARAH

Memandangkan manusia secara tabiinya pernah melakukan kesilapan dan kecuaiian serta melampaui batasan yang ditetapkan oleh Allah ﷻ. lalu terjerumus dalam perkara yang haram menyebabkan pelakunya mendapat kemurkaan dan hukuman tertentu menurut Syariat Islam, antaranya kaffarah. Sehubungan itu, kaffarah disyariatkan adalah untuk:

- i. Menjadi penyebab bagi pesalah untuk bertaubat.
- ii. Meringankan bebanan rasa bersalah kerana melakukan maksiat.

- iii. Mengingatkan agar manusia tidak boleh mengambil mudah dengan peraturan dan hukum-hukum-Nya.

2.3.4 HUKUM MEMBAYAR KAFFARAH

Kaffarah adalah satu bentuk hukuman yang ditentukan oleh Allah ﷻ terhadap mereka yang melakukan sesuatu kesalahan tertentu sama ada yang dilarang secara mutlak oleh Allah ﷻ atau melanggar sesuatu kewajipan yang dibuat dengan pilihan sendiri. Semua bentuk kesalahan yang melibatkan kaffarah wajib ditunaikan mengikut ketetapan bagi setiap kesalahan. Tidak ada ruang untuk tidak melakukannya kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja iaitu tidak mampu secara mutlak mengikut sesetengah fuqaha.

Kaffarah kerana melakukan persetubuhan dalam bulan Ramadan adalah wajib. Begitu juga kaffarah kerana melanggar sumpah, tidak menyempurnakan nazar, ingin kembali kepada isteri yang diziharkan dan seumpamanya. Ini kerana semua kesalahan-kesalahan tersebut telah dinyatakan oleh nas mutawatir daripada al-Quran dan al-Sunnah jika dilakukan akan menyebabkan pihak yang berslaah dikenakan kaffarah.

2.3.5 SEBAB DAN KESALAHAN DIKENAKAN KAFFARAH

Terdapat beberapa sebab dan kesalahan yang dikenakan kaffarah iaitu:

- i. **Persetubuhan pada siang hari bulan Ramadan**

Ulama bersepakat mengenai kewajiban kaffarah bagi mereka yang merosakkan puasa dengan melakukan persetubuhan sama ada dengan perempuan atau binatang dengan sengaja tanpa paksa.

Syarat yang mewajibkan kaffarah ini ada lima iaitu:

- (a) Orang yang melakukan persetubuhan menyedari bahawa dia sedang berpuasa.
- (b) Mengetahui pengharaman persetubuhan di siang hari bulan Ramadan.
- (c) Persetubuhan itu berlaku bukan kerana paksaan.
- (d) Puasa yang dibatalkan dengan persetubuhan itu adalah puasa Ramadan.
- (e) Bukan orang yang mendapat rukhsah untuk berbuka puasa.

Oleh itu, jika bersetubuh disebabkan selain keadaan tersebut maka hanya diwajibkan menggantikan puasa (qada) sahaja. Di antara keadaan tersebut adalah:

- (a) Seseorang yang lupa bahawa dia sedang berpuasa.
- (b) Jahil tentang haramnya persetubuhan pada siang hari dalam bulan Ramadan.
- (c) Bersetubuh bukan dalam puasa Ramadan. Jika puasa yang dibatalkan itu adalah puasa qada, puasa nazar atau puasa kaffarah, maka tidak wajib kaffarah.
- (d) Membatalkan puasa dengan perkara-perkara lain secara sengaja sebelum melakukan persetubuhan (Mazhab Syafii).
- (e) Bermusafir lebih daripada dua marhalah.

ii. Melanggar sumpah

Sumpah dari segi istilah Syarak bererti menguatkan sesuatu dengan menyebut nama ataupun sifat Allah ﷻ yang tertentu. Berdasarkan definisi tersebut, sumpah hanya boleh terbentuk dengan menggunakan sama ada nama-nama Allah ﷻ seperti al-Rahman, al-Rahim dan seumpamanya, atau sifat-sifat khusus bagi Allah ﷻ seperti kebesaran Allah ﷻ dan seumpamanya.

Contohnya lafaz sumpah adalah:”Demi Allah, sesungguhnya aku akan lakuka ini”atau “Demi Zat yang jiwa ragaku berada pada kekuasaan-Nya, sungguh aku akan lakukan ini” atau seumpamanya.

Para ulama telah sepakat secara ijmak bahawa sumpah dengan selain daripada Allah ﷻ adalah ditegah dan tidak boleh dilakukan. Namun, para ulama berbeza pendapat mengenai kedudukan kaffarah kepada sumpah tersebut jika dimungkir. Pandangan lebih tepat adalah yang mewajibkan pembayaran kaffarah. Bagi menjadikan sesuatu sumpah diambil kira dan sah, ia mesti memenuhi beberapa syarat asas, iaitu:

- (a) Pelaku sumpah itu hendaklah berakal, *baligh* dan muslim. Dengan ini, tidak sah sumpah yang dilakukan oleh kanak-kanak, orang gila dan kafir.
- (b) Bukan sumpah yang *lagha*, iaitu sumpah yang dilakukan tanpa niat oleh pelakunya.
- (c) Sumpah itu hendaklah dilakukan dengan menggunakan sama ada nama-nama Allah ﷻ atau sifat-sifat khusus bagi-Nya.

Hukum sumpah yang telah memenuhi segala syarat tersebut adalah wajib, mesti ditunaikan oleh pelakunya. Jika dia melanggar sumpah, maka dia berdosa dan wajib membayar kaffarah. Hukum tersebut berdasarkan firman Allah ﷻ:

... وَلَا تَنْقُضُوا الْأَيْمَانَ بَعْدَ تَوْكِيدِهَا ... ﴿٩١﴾

Maksudnya: "...dan janganlah kamu merombak (mencabuli) sumpah kamu sesudah kamu menguatkannya (dengan nama Allah)..."

(Surah an-Nahl, ayat 91)

Kaffarah sumpah bertujuan menutup dosa yang ditanggung oleh orang yang bersumpah kerana tidak menepati atau memungkiri sumpahnya. Selain itu, beliau juga tidak bertaubat di atas kesalahannya.

iii. Melanggar nazar

Nazar adalah janji kepada Allah ﷻ. Mengikut al-Mawardi, nazar ialah *iltizam* (mewajibkan diri) untuk melakukan *qurbah* (sesuatu yang boleh menghampirkan diri dengan Allah) yang pada asalnya tidak wajib di sisi Syarak.

Dengan ini, nazar adalah janji untuk melakukan kebaikan dengan niat mendekatkan diri kepada Allah ﷻ sama ada secara bersyarat atau tidak. Dengan ini, sesuatu perkara kebaikan atau kebajikan berbentuk ibadah yang asalnya tidak wajib ke atas seseorang menurut hukum Islam menjadi wajib setelah dinazarkan.

Bagi menjadikan sesuatu nazar itu sah, fuqaha telah menetapkan beberapa syarat asas, iaitu:

- (a) Nazar hendaklah bertujuan mendapatkan kerediaan Allah ﷻ dan berbentuk ketaatan.
- (b) Perkara yang dinazarkan hendaklah terdiri daripada sesuatu yang mampu dilakukan oleh manusia.
- (c) Nazar hendaklah bukan berbentuk sesuatu perkara yang tidak disyariatkan oleh Allah ﷻ.

Berdasarkan ayat al-Quran dan as-Sunnah mengenai pensyariatian nazar, maka hukum sesuatu nazar yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan adalah wajib dan mesti ditunaikan. Jika tidak ditunaikan atau tidak mampu ditunaikan, maka penggantinya adalah dengan membayar denda, iaitu kaffarah. Hukum ini juga merangkumi nazar yang tidak dibolehkan mengikut kebanyakan fuqaha. Oleh itu, jia seseorang bernazar melakukan maksiat atau sesuatu yang memudaratkan diri sendiri, walaupun nazarnya boleh dilakukan, tetapi ia wajib membayar kaffarah.

iv. Ila'

Ila' ialah sumpah yang dibuat oleh seseorang seuami yang mampu bersetubuh untuk tidak menyetubuhi isterinya selama tempoh lebih daripada empat bulan atau tanpa menyebutkan tempoh atau dengan selama-lamanya.

Ila' boleh dilakukan dengan menggunakan lafaz sama ada secara sarif atau kinayah. Lafaz sarif adalah lafaz yang terang dan jelas seperti: "Demi Allah saya tidak akan bersetubuh dengan kamu selama lebih dari empat bulan". Sementara lafaz kinayah pula adalah lafaz yang tidak menunjukkan *ila'* kecuali dengan niat seperti

ucapan suami: “Saya tidak akan sentuh kamu selama empat bulan”.

Hukum *ila'* adalah haram kerana telah mengharamkan persetubuhan dengan isteri yang halal dinikahi.

Jika tempoh empat bulan telah tamat, dan suami masih tetap dengan sumpahnya, beliau dianggap telah memudaratkan isterinya. Pada ketika itu, dengan tuntutan daripada pihak isteri, Hakim berhak mengambil salah satu daripada tindakan berikut:

- (a) Memaksa suami menarik balik sumpahnya dan kembali semula kepada isterinya setelah membayar kaffarah *ila'*.
- (b) Memaksa suami menceraikan isterinya jika dia enggan menarik balik sumpahnya dan tetap berpegang dengan sumpahnya.

v. Zihar

Imam Syafii mendefinisikan zihar sebagai lafaz suami menyamakan mana-mana anggota zahir isteri dengan anggota wanita mahram secara kekal (*muábbad*) kepada suami. Jika seorang suami mengatakan kepada isterinya: “Belakang awak adalah sama seperti belakang ibu saya,” atau menyatakan: “Saya lihat awak sama seperti emak saya,” maka berlakulah zihar.

Perkataan belakang hanya sebagai kiasan sahaja, sedangkan ia merangkumi semua anggota tubuh badan kecuali mata kerana ia bukan zihar yang jelas. Wanita yang dijadikan perbandingan ialah wanita yang haram dikahwini oleh suami, maka merangkumi semua wanita mahram secara berkekalan sama ada

berdasarkan keturunan, persemendaan dan penyusunan. Jika diniatkan sebagai suatu penghormatan maka tidak menjadi zihar, sebaliknya jika diniatkan talak maka ia menjadi zihar.

Syarak telah melarang suami melakukan zihar dan menganggap sebagai suatu perkara yang mungkar dan dusta. Hukum zihar adalah haram. Setelah cukup syarat dan sabit zihar maka haram bagi suami menyetubuhi isterinya (yang diziharkan) kecuali setelah ditunaikan kaffarah. Jika suami tidak mahu menunaikan kaffarah maka dia mesti menceraikan isterinya.

vi. Pembunuhan tidak sengaja

Pembunuhan secara tidak sengaja seperti kemalangan jalan raya, tertembak dan seumpamanya tidak dikenakan qisas tetapi dikenakan diat atau kaffarah berdasarkan firman Allah ﷻ dalam ayat 92 surah an-Nisa' sebagaimana dinyatakan sebelum ini. Ayat tersebut pada zahirnya menunjukkan bahawa hukuman kaffarah adalah diwajibkan kerana membunuh secara tidak sengaja. Maka Syariat telah meletakkan hukum kaffarah kepada mereka yang melakukan perbuatan tersebut dan ia tidak akan gugur sehingga ditunaikan kewajipan tersebut. Begitu juga hukum pembunuhan menyerupai dengan sengaja (*syibh al-'amd*).

Orang yang telah disabitkan kesalahan membunuh dengan sengaja boleh dijatuhkan hukuman asas iaitu qisas, gantian yang terdiri daripada diat atau kaffarah, dan hukuman tambahan, iaitu haram menerima pusaka, wasiat dan berdosa.

Qisas adalah bunuh balas terhadap pembunuh. Jika ia tidak dilaksanakan sama ada kerana tidak mencukupi syarat-syarat ataupun kerana digugurkan hukuman qisas oleh ahli keluarga maka mesti membayar diat. Diat ialah pembayaran sejumlah harta kerana melakukan suatu jenayah yang melibatkan nyawa atau anggota badan.

Mengenai kaffarah ke atas penjenayah yang membunuh dengan sengaja, fuqaha berselisih pendapat mengenainya. Imam Syafii berpendapat bahawa kaffarah diwajibkan ke atas penjenayah yang membunuh secara sengaja kerana jika hukuman ini diwajibkan ke atas pembunuh tidak sengaja ataupun yang menyerupai sengaja maka lebih-lebih lagi hukuman kaffarah ini diwajibkan kerana kesalahan membunuh secara sengaja.

Imam Abu Hanifah, Malik dan Ahmad pula berpendapat bahawa bagi penjenayah bunuh secara sengaja tidak diwajibkan hukuman kaffarah, kerana nas-nas mengenai pembunuhan sengaja dengan jelas menyebutkan bahawa hukumannya ialah qisas dan tidak menyebutkan hukuman kaffarah baginya. Walau bagaimanapun, Imam Malik menyarankan supaya penjenayah yang membunuh dengan sengaja dikenakan hukuman kaffarah jika hukuman qisas digugurkan sama ada kerana sebab-sebab yang menghalang hukuman qisas ataupun kerana penjenayah itu telah dimaafkan.

2.3.6 KADAR KAFFARAH

Kadar kaffarah adalah berbeza mengikut jenis kesalahan yang dilanggar atau tidak ditunaikan, iaitu sama ada persetubuhan pada siang hari bulan Ramadan, sumpah, nazar, ila', zihar dan pembunuhan tidak sengaja.

- i. Kaffarah kerana melakukan persetubuhan pada siang hari bulan Ramadan adalah mengikut turutan berikut:
 - (a) Memerdekakan seorang hamba; atau
 - (b) Jika tidak mampu atau tiada hamba hendaklah berpuasa selama dua bulan berturut-turut; atau
 - (c) Jika tidak mampu berpuasa, hendaklah memberi makan kepada enam puluh orang fakir miskin.

- ii. Kaffarah sumpah bermula dengan pilihan dan berakhir dengan tertib. Maksudnya, pada peringkat awal diberi pilihan menunaikan kaffarah kepada tiga jenis perkara iaitu:
 - (a) Memberi makan sepuluh orang fakir miskin, setiap orang satu *mud* (paling afdal mengikut ulama); atau
 - (b) Memberi pakaian kepada sepuluh orang fakir miskin; atau
 - (c) Memerdekakan hamba.

Jika tidak mampu melakukan tiga pilihan di atas, maka mengikut tertib berikutnya hendaklah dia berpuasa tiga hari sama ada secara berturut-turut atau tidak berturut-turut. Fuqaha telah bersepakat bahawa puasa hanya boleh dilakukan jika dia tidak mampu melakukan tiga pilihan di atas.

- iii. Kaffarah nazar adalah sama kadarnya dengan kaffarah sumpah, iaitu sebagaimana di bawah:
- (a) Memberi makan kepada sepuluh orang fakir miskin (paling afdal mengikut ulama'); atau
 - (b) Memberi pakaian kepada sepuluh orang fakir miskin; atau
 - (c) Memerdekakan seorang hamba.
- iv. Kaffarah *ila'* juga sama kadarnya seperti kaffarah sumpah yang berdasarkan ayat 89 dalam surah al-Mai'dah. Oleh itu, kaffarahnya adalah sama seperti yang dinyatakan sebelum ini (lihat ii).
- v. Kaffarah zihar adalah mengikut urutan di bawah:
- (a) Memerdekakan seorang hamba; atau
 - (b) Jika tidak mampu atau tiada hamba, hendaklah berpuasa dua bulan berturut-turut; atau
 - (c) Jika tidak mampu berpuasa, hendaklah memberi makan enam puluh orang fakir miskin.
- vi. Kaffarah pembunuhan tanpa niat atau tidak sengaja adalah mengikut urutan di bawah:
- (a) Memerdekakan seorang hamba; dan
 - Membayar diat sekiranya orang yang dibunuh itu adalah seorang Muslim, atau daripada kaum kafir yang ada ikatan perjanjian setia dengan orang Islam (termasuk ahli kitab dan kafir zimmi); atau
 - Tidak perlu membayar diat sekiranya orang yang dibunuh itu adalah seorang Muslim di negara orang-orang kafir yang bermusuh dan memerangi Islam (kafir harbi); atau

(b) Jika tidak mampu atau tiada hamba, maka hendaklah berpuasa dua bulan berturut-turut berserta taubat nasuha.

Hukuman atau kaffarah ini merangkumi semua pesalah sama ada lelaki atau wanita kecuali dalam masalah persetubuhan di siang hari dalam bulan Ramadan, kaffarah hanya dikenakan ke atas suami.

2.3.7 WAKTU PENUNAIAN KAFFARAH

Waktu penunaian kaffarah tidak ditentukan oleh Syarak dengan tempoh masa tertentu. Oleh itu, ia boleh ditunaikan pada bila-bila masa setelah melakukan sesuatu kesalahan yang melibatkannya. Jika tidak ditunaikan sehingga meninggal dunia, maka akan menyebabkan kesukaran kepada ahli waris kerana menurut kebanyakan ulama, segala yang melibatkan harta mesti ditunaikan oleh ahli waris. Dengan kata lain, kaffarah itu akan diwarisi.

Dalam masalah nazar yang dilambat-lambatkan dengan sengaja sedangkan telah mampu menunaikannya, hukumnya adalah berdosa. Nazar wajib ditunaikan segera dan jika dilewatkan dikhuatiri tidak sempat menunaikannya kerana ajal tiba, maka akan dituntut dan dipersoalkan di hadapan Allah ﷻ kelak kerana nazar adalah perjanjian seorang hamba dengan Tuhannya.

Menundakan penunaianya dengan alasan menunggu masa lapang adalah tidak wajar dan seolah-olah meringan-ringankannya. Jika nazar itu perlu segera kerana melibatkan implikasi tertentu maka kaffarahnya juga sepatutnya perlu disegerakan.

Penunaian kaffarah jika dilakukan dengan harta seperti memberi makan dan pakaian boleh dilakukan awal sebelum melakukan sesuatu larangan atau kesalahan, selagi tidak melibatkan kaffarah yang mesti berurutan. Namun jika kaffarah itu dilakukan dengan sesuatu ibadat seperti puasa maka tidak boleh dilakukan terlebih awal.

Kedudukan ini dapat dilihat dengan jelas dalam membayar kaffarah sumpah. Jika ditunaikan kaffarah dengan puasa maka tidak boleh dilakukan sebelum berlaku pelanggaran sumpah tetapi jika dilakukan dengan memberi makan atau pakai, maka ia boleh dilakukan sebelum melanggar sumpah itu lagi. Ini adalah pandangan Mazhab Syafii dan hujahnya adalah berdasarkan hadis Nabi :

فَكَفَّرَ عَنْ يَمِينِكَ وَأَتِ الَّذِي هُوَ خَيْرٌ

Maksudnya: *“Tunaikanlah kaffarah sumpah kamu dan lakukan dengan yang lebih baik”*

(Muttafaq ‘ alayh)

Berdasarkan hadis ini juga, penunaian kaffarah sepatutnya dilakukan secepat mungkin kerana boleh membebaskan diri daripada sesuatu tanggungan sebelum menemui ajal, malahan ada ulama yang menyatakan ia lebih afdal jika dilakukan terlebih awal.

2.3.8 KAEDAH MEMBAYAR KAFFARAH

Berdasarkan kepada perbincangan mengenai kaffarah bagi pelbagai kesalahan yang diperuntukkan oleh Syarak, boleh disimpulkan bahawa kaffarah boleh berlaku dalam tiga perkara iaitu:

- i. Kaffarah dengan memerdekakan hamba. Ia diperuntukkan dalam kebanyakan kesalahan yang memperuntukkan kaffarah seperti

- persetubuhan pada siang hari bulan Ramadan, sumpah, zihar dan pembunuhan tidak sengaja.
- ii. Kaffarah dengan memberi atau membayar dengan harta sama ada dalam bentuk makanan atau pakaian sebagaimana dalam kaffarah sumpah dan zihar.
 - iii. Kaffarah dengan melakukan puasa. Ia wujud dalam kebanyakan kesalahan seperti persetubuhan pada siang hari bulan Ramadan, melanggar sumpah, zihar dan pembunuhan tidak sengaja.

Kedudukan sesuatu kesalahan yang membabitkan kaffarah juga berbeza antara satu sama lain dari segi wujudnya pilihan untuk melakukannya atau tiada pilihan seperti berikut:

- i. Kaffarah secara pilihan berlaku dalam kaffarah sumpah, nazar dan *ila'*.
- ii. Kaffarah mengikut turutan pula berlaku dalam kaffarah kerana melakukan persetubuhan pada siang dalam bulan Ramadan, zihar dan pembunuhan tanpa niat atau tidak sengaja.

Membebaskan seorang hamba Muslim sama ada lelaki atau perempuan terdapat dalam kebanyakan kaffarah. Walaupun perbincangan mengenainya dalam kitab-kitab fiqh banyak dilakukan tetapi memandangkan kewujudan hamba ini sudah tidak ada zaman sekarang setelah konsep penghambaan diharamkan di dunia ini maka hukum kaffarah secara sedemikian juga sudah tidak boleh dilaksanakan. Oleh itu, kaffarah dengan membebaskan hamba dalam kaffarah secara pilihan akan berpindah kepada bentuk kaffarah berikutnya, dan dalam kaffarah tanpa pilihan maka ia tidak boleh lagi dijadikan pilihan.

Kaffarah dengan memberi makan atau makanan berlaku dalam kebanyakan kesalahan yang membabitkan kaffarah. Dalam kaffarah disebabkan persetubuhan di siang hari bulan Ramadan, kaffarah dengan memberi makan atau makanan hendaklah diberikan secara wajib kepada enam puluh orang fakir miskin sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah ﷺ. Pilihan ini adalah pilihan terakhir ketika seseorang secara nyata tidak mampu melakukan dua perkara sebelumnya, iaitu memerdekakan hamba dan puasa dua bulan berturut-turut.

Kaffarah kerana tidak mampu menunaikan sumpah dan nazar adalah bermula dengan memberi makanan kepada sepuluh orang fakir miskin. Meskipun diberi tiga pilihan, ulama berpendapat afdal memberi makan sebab Allah ﷻ menyebutnya terlebih dahulu. Sementara dalam kaffarah zihar pula, memberi makan adalah berada di peringkat terakhir, iaitu kepada enam puluh orang fakir miskin. Begitu juga dengan kaffarah persetubuhan di siang hari bulan Ramadan.

Makanan itu adalah satu cupak makanan asasi penduduk setempat kepada setiap orang. Bagi penduduk di Malaysia ini, makanan asasinya ialah beras, maka diberikan beras. Sepatutnya, makanan itu adalah makanan yang biasanya diberikan kepada keluarganya. Satu cupak beras bersamaan satu perempat gantang Baghdad. Sementara satu gantang Baghdad bersamaan dengan 2.7kg.

Dalam menunaikan kaffarah dengan memberi pakaian sabit dalam kaffarah sumpah, *ila'*, dan nazar sahaja, iaitu dengan memberikannya kepada 10 orang fakir miskin. Terdapat dua pendapat fuqaha mengenai maksud pakaian. Pertama, menurut Imam Malik, Abu Hanifah dan Ahmad, pakaian yang dimaksudnya ialah apa sahaja

yang boleh dibawa sembahyang. Bagi lelaki adalah baju atau sarung, dan bagi wanita pula jubah dan tudung. Maka tidak memadai kalau sekadar kasut, selipar atau songkok saja kerana tidak boleh dibuat solat dengannya. Pendapat kedua pula iaitu yang masyhur dalam Mazhab Syafii, pakaian adalah apa saja yang biasa dipakai seperti baju, serban, kain sarung, selendang, jubah dan sebagainya. Pendapat pertama sememangnya lebih menepati kehendak Syarak dalam berpakaian.

Sementara kewajipan berpuasa pula adalah satu bentuk kaffarah yang wujud dalam semua kesalahan yang melibatkan kaffarah. Paling minimum kaffarah dengan berpuasa adalah selama tiga hari, iaitu dalam kaffarah sumpah dan nazar. Sementara kesalahan merosakkan kehormatan bulan Ramadan, selain wajib mengganti hari yang dirosakkan itu dengan puasa di hari lain, kaffarahnya adalah dengan berpuasa dua bulan berturut-turut berdasarkan bulan qamriyyah. Dalam zihar juga kaffarahnya adalah berpuasa dua bulan berturut-turut. Puasa itu tidak boleh berselang, sekiranya diselang-selangkan walaupun kerana sakit, maka puasa yang lalu terputus dan mestilah diulang semula. Niat puasa kaffarah hendaklah dilakukan pada malam hari kerana ia termasuk dalam puasa wajib.

Bagi pembayaran kaffarah dengan memberi makan dan pakaian kepada fakir miskin, tiada apa-apa peruntukan Syarak mengenai pengurusan dan cara melakukannya. Dengan ini, mana-mana individu yang ingin membayarnya boleh mencari sendiri orang fakir miskin untuk diberi makan atau pakaian. Tidak semestinya mencari orang fakir miskin yang tidak dikenali, malahan lebih afdal memberikannya kepada saudara-mara terdekat yang fakir miskin.

Pembayar kaffarah juga boleh memberi kepada pihak-pihak yang boleh mengendalikan agihan derma kepada orang-orang fakir miskin seperti pihak masjid atau seumpamanya jika yakin kaffarah tersebut boleh disampaikan kepada fakir miskin. Bayaran juga boleh diberikan kepada pihak berwajib yang bertanggungjawab menguruskan harta orang Islam seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau seumpamanya.

2.4 PIHAK YANG BERHAK MENERIMA BAYARAN FIDYAH DAN KAFFARAH

Fidyah dan kaffarah tidak boleh diberi kepada mana-mana individu tanpa mengetahui kedudukannya. Berdasarkan ayat 184 surah al-Baqarah yang telah disebut sebelum ini dan hadis Nabi, fidyah dan kaffarah hendaklah diberikan kepada golongan miskin. Menurut kupasan para fuqaha, fakir adalah termasuk dalam kategori ini berdasarkan qiyas bahawa keadaannya yang lebih serius berbanding orang miskin.

Berdasarkan kepada beberapa huraian dalam kitab-kitab Mazhab Syafii, dapatlah disimpulkan bahawa fakir dan miskin mempunyai beberapa ciri. Ciri-ciri bagi seorang yang dikatakan fakir ialah:

- i. Tidak mempunyai apa-apa harta iaitu disebut sebagai fakir 'araya (عراي).
- ii. Tidak mampu berkerjaya.
- iii. Jika ada harta atau hasil kerjaya, ia tidak memenuhi setengah daripada keperluan hidup.

Manakala ciri-ciri miskin pula ialah:

- i. Ada harta dan kerjaya.
- ii. Harta dan kerjayanya tidak memenuhi keperluan hidup
- iii. Harta atau kerjayanya hanya memenuhi setengah atau lebih dari keperluan hidup.

Syarat-syarat lain yang digariskan oleh fuqaha berkaitan pihak yang berhak menerima fidyah dan kaffarah adalah seperti berikut:

- i. Islam. Imam Malik, Syafii dan sebilangan yang lain berpendapat fidyah dan kaffarah tidak harus diberikan kepada bukan Islam kerana ia adalah satu *qurbah* (kebajikan) sedangkan orang bukan Islam tidak termasuk dalam golongan itu. Abu Hanifah dan lain-lain berpendapat harus diberi kepada kafir zimmi.
- ii. Merdeka. Imam Malik, Imam as-Syafii dan Imam Ahmad mensyaratkan penerima fidyah dan kaffarah mestilah merdeka dan tidak sah diberikan kepada hamba.
- iii. Penerima mestilah orang yang boleh makan sekiranya fidyah dan kaffarah yang dikeluarkan itu dalam bentuk makanan.
- iv. Penerima bukan orang yang wajib ditanggung nafkahnya oleh pembayar fidyah dan kaffarah. Maka tidak sah membayar kaffarah kepada ibu, ayah, anak dan isteri.
- v. Tidak harus dikurangkan habuan setiap orang dari yang sepatutnya seperti memberi makanan kepada dua puluh orang fakir miskin setengah cupak setiap seorang.
- vi. Tidak boleh digabungkan antara dua jenis kaffarah atau lebih seperti member makanan kepada lima orang fakir miskin dan pakaian kepada lima yang lain.

Fidyah dan kaffarah boleh diberikan terus kepada fakir miskin. Fidyah boleh diberikan kepada seorang atau sebilangan fakir miskin mengikut kesesuaian dan keperluan. Misalnya seseorang yang wajib membayar fidyah 10 cupak beras ke atasnya boleh memberikan fidyah sebanyak 10 cupak beras itu atau nilainya kepada 10 orang fakir miskin atau seorang fakir miskin.

Fidyah atau kaffarah juga boleh diberikan kepada pihak yang ditugaskan oleh pemerintah bagi menguruskan pengumpulan dan pembahagiannya seperti pihak Baitulmal MAIN , Agensi Mengurus Zakat dan seumpamanya.

2.5 ISU-ISU/PERMASALAHAN BERKAITAN FIDYAH DAN KAFFARAH

i. Fidyah berganda

Sebagaimana yang telah disebut sebelum ini. Jumhur Fuqaha menegaskan bahawa mereka yang tidak menggantikan puasa yang ditinggalkan dengan sebab keuzuran atau sebab lain sehingga menjangkau Ramadan berikutnya dikenakan fidyah di samping perlu mengqadanya. Dalam Mazhab Syafii, sekiranya ia masih belum ditunaikan pada tahun-tahun berikutnya, ia menjadi berganda mengikut jumlah tahun yang berlalu.

Imam an-Nawawi Rahimahullah menyebutkan : “Dan sesiapa yang mengakhirkan (melengah-lengahkan) qada puasa Ramadan sedangkan dia berupaya menunaikannya (kerana tiada uzur) sehingga masuk Ramadan pada tahun hadapannya, maka wajib ke atasnya qada (puasa yang ditinggalkannya) di samping membayar fidyah bagi setiap hari (puasa yang ditinggalkannya) sebanyak satu *mud*. Dan menurut pendapat yang asah berulang-ulang / berganda fidyah itu (selagi belum dikeluarkan) dengan berulang-tahun-tahun berikutnya.” Bagaimanapun, ulama Mazhab Syafii berpandangan bahawa ia hanya berlaku ke atas orang yang sengaja melengah-lengahkannya bukan atas orang yang keuzuran.

Contohnya, seseorang meninggalkan puasa sebanyak 5 hari pada bulan Ramadan 1432 Hijrah, dan dia melengah-lengahkan qadanya sehingga datang bulan Ramadan 1433 Hijrah sedangkan dia berdaya mengqadanya, maka dia diwajibkan untuk membayar fidyah di samping mengqada puasanya. Jika dia masih tidak mengqada puasanya dan tidak membayar fidyahnya sehingga datang bulan Ramadan 1434 Hijrah dan seterusnya sehinggalah datang bulan Ramadan 1435

Hijrah, maka fidyah tersebut berganda sebanyak 3 kali iaitu mulai 1433 sehingga 1435 Hijrah. Oleh itu fidyahnya akan berganda dengan masuknya tahun berikutnya kerana dia belum mengqada puasa dan belum membayar fidyah pada tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, seseorang yang tidak berdaya mengqada puasanya, umpamanya disebabkan sakit yang bersangatan sepanjang tahun sehingga datang Ramadan pada tahun berikutnya, maka tidak dikenakan fidyah berganda ke atasnya. Justeru, dalam menentukan berapa jumlah fidyah yang perlu dibayar, seseorang itu hendaklah tahu berapa hari puasa yang ditinggalkannya dan tahunnya serta jumlah puasa yang tertinggal yang sudah diqadanya serta jumlah fidyah yang sudah dibayarnya jika fidyah berganda. Semua ini akan membantu memudahkan pengiraan fidyah terutama jika fidyah tersebut berganda kerana dia belum mengqada puasa Ramadan yang ditinggalkannya pada tahun-tahun sebelumnya.

Bagaimanapun di Selangor, Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor yang bersidang pada 16 Januari 2001 telah sebulat suara membuat keputusan bahawa pembayaran-pembayaran fidyah dan kaffarah yang tertanggung adalah tidak digandakan (harus). Ini menurut sebahagian pandangan Mazhab Syafii. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak pembayar ingin membuat pembayaran fidyah dan kaffarah secara berganda maka ianya boleh diterima.

ii. Pembayaran fidyah dan kaffarah dalam bentuk nilai makanan

Dalam ayat berkenaan fidyah, perkataan (طعام مسكين) jelas menunjukkan bahawa fidyah itu hendaklah dikeluarkan dalam bentuk makanan kepada orang-orang

miskin. Hal ini samalah dengan pembayaran zakat yang mana hukum asalnya ialah mengeluarkan zakat dalam bentuk benda yang dizakatkan. Imam Al-Syarbini menyebut bahawa:

جنسها أي الفدية جنس الفطرة

Maksudnya: *"Jenis (makanan) fidyah itu ialah jenis (makanan) fitrah."*

Dalam masalah zakat fitrah, pembayaran dalam bentuk nilai wang menimbulkan perdebatan di kalangan ulama. Mazhab Hanafi membenarkan pembayaran zakat dalam bentuk nilai mata wang tanpa sebarang alasan. Manakala Mazhab Maliki, Syafii, Hanbali dan Zahiri pula tidak membenarkan pembayaran dalam bentuk nilai mata wang. Walau bagaimanapun, terdapat pandangan dalam mazhab mereka yang membenarkan pembayaran dalam bentuk nilai mata wang dalam kes-kes tertentu dan bukan dalam semua keadaan. Demikian jugalah halnya fidyah dan kaffarah yang disandarkan kepada zakat.

Walaupun dalam Mazhab Syafii yang menjadi amalan penduduk Nusantara tidak membenarkan zakat, fidyah atau kaffarah dibayar dengan nilai wang, namun sesetengah pihak berkuasa agama membenarkan kita untuk bertaklid kepada Mazhab Hanafi dengan mengharuskan pembayaran melalui mata wang sebagai nilai bagi zakat, fidyah atau kaffarah yang dikeluarkan. Malahan, Mazhab Hanafi menghukumkan sebagai lebih baik lagi kerana ianya membolehkan golongan fakir miskin membeli keperluan-keperluan memandangkan bahawa golongan fakir miskin itu mungkin tidak memerlukan kepada makanan, tetapi keperluannya lebih kepada pakaian atau barang-barang lain.

iii. Melakukan jimak semasa berpuasa sunat

Membatalkan puasa dengan persetubuhan yang berlaku pada siang hari bulan Ramadan adalah haram. Akan tetapi tidak wajib kaffarah jika berlaku jimak pada bulan-bulan selain bulan Ramadan seperti ketika melakukan puasa sunat, nazar, qada atau puasa kaffarah. Perkara ini telah dijelaskan dalam firman Allah ﷻ :

أَحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفَثُ إِلَى نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَخْتَانُونَ أَنْفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ فَالْعَنَ بَشِيرُوهُنَّ وَأَبْغَوْا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمْ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتَمُوا الصِّيَامَ إِلَى الْآلِيلِ وَلَا تَبَشِّرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسْجِدِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَقْرُبُوهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

Maksudnya: "Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu. Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahawasanya kamu mengkhianati diri sendiri, lalu Ia menerima taubat kamu dan memaafkan kamu. Maka sekarang setubuhilah isteri-isteri kamu dan carilah apa-apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kamu; dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam (kegelapan malam), iaitu waktu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib); dan janganlah kamu setubuhi isteri-isteri kamu ketika kamu

sedang beriktikaf di masjid. Itulah batas-batas larangan Allah, maka janganlah kamu menghampirinya. Demikian Allah menerangkan ayat-ayat hukum-Nya kepada sekalian manusia supaya mereka bertakwa."

(Surah al-Baqarah, ayat 187)

iv. Mengeluarkan mani pada siang ramadan

Mengeluarkan air mani pada siang Ramadan membatalkan puasa tetapi tidak mewajibkan kaffarah. Namun demikian, puasa yang batal itu wajib qada.

Menurut Imam Syafii, perkara yang membatalkan puasa serta wajib qada dan kaffarah hanya satu sahaja, iaitu jimak. Manakala keluar air mani dengan menggunakan tangan, ciuman, geselan dan seumpamanya hanya membatalkan puasa sahaja dan tidak dikenakan kaffarah. Sementara keluar air mani dengan sebab mimpi, melihat atau mengkhayalkan sesuatu yang menaikkan syahwat tidak membatalkan puasa.

v. Kaffarah puasa suami yang meninggal

Seorang suami yang melakukan persetubuhan dengan isterinya pada siang hari bulan Ramadan wajib membayar kaffarah manakala isteri wajib menggada puasanya saja. Namun demikian, persoalan timbul jika suami telah meninggal dunia dalam keadaan tidak sempat untuk membayar kaffarah tersebut.

Setiap ibadat yang fardhu adalah bertanggung atas diri sendiri, apabila yang wajib dilakukan maka si hamba akan terlepas daripada tuntutan fardhu, dan sekiranya ditinggalkan dia berdosa. Ini kerana sesuatu kewajipan itu bertanggung atas bahu masing-masing melainkan ada keadaan yang dibenarkan.

Namun demikian dari apek lain, Al-Quran menyarankan orang Islam supaya bantu-membantu dalam melaksanakan kebajikan sebagaimana firman Allah :

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا

اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Maksudnya: "...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)."

(Surah al-Ma'idah, ayat 2)

Menurut pendapat yang paling kuat dalam Mazhab Syafii, sesiapa yang mati dan atasnya ada tanggungan puasa wajib atau puasa nazar maka ke atas walinya (bapa atau datuk atau ahli keluarganya) memilih sama ada mahu berpuasa bagi pihaknya atau tidak. Kedudukan tersebut berdasarkan Sabda Nabi :

من مات وعليه صيام صام عنه وليه

Maksudnya: "Sesiapa yang mati dan meninggalkan puasa maka berpuasa baginya oleh walinya."

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dalam persoalan ini, adalah lebih baik untuk memilih jenis kaffarah ketiga iaitu memberi makan 60 orang fakir miskin sebagai menjelaskan hutang kaffarah yang tertanggung atas bahu suami. Namun demikian, sebaiknya dengan menggunakan harta peninggalan suami, maka boleh memohon supaya anak-anak menunaikannya dengan memberi makan 60 orang fakir miskin dengan niat membayar kaffarah arwah suami.

vi. Kaffarah berganda jika persetubuhan dilakukan berulang kali

Jika berlaku persetubuhan dua hari atau lebih dalam bulan Ramadan, fuqaha bersepakat bahawa bagi setiap hair dikenakan kaffarah. Manakala bagi yang melakukan jimak beberapa kali dalam satu hari atau pada hari yang sama, dia hanya dikenakan satu kaffarah.

Jika berlaku jimak dalam keadaan musafir yang diharuskan, maka puasa terbatal dan tidak wajib kaffarah dengan jimak tersebut. Begitu juga jika seseorang menyangka (zhann) matahari telah masuk dan berlaku jimak, sedangkan hari masih siang (belum masuk matahari), dihukumkan tidak dikenakan kaffarah kerana dia tidak bermaksud untuk melakukan yang dilarang.

vii. Persetubuhan dilakukan di siang hari bulan Ramadan dengan membatalkan puasa terlebih dahulu

Hukum bagi isu tersebut telah dijawab oleh salah satu fatwa Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu pada tahun 1988 iaitu:

“Kifarah diwajibkan ke atas orang yang membatalkan puasa Ramadan dengan melakukan persetubuhan. Sementara itu, kifarah tidak diwajibkan ke atas orang yang membatalkan puasa Ramadannya dengan lain-lain daripada persetubuhan, sekalipun sesudah itu diikuti dengan persetubuhan, sebagaimana yang dinaskan dalam kitab Mughni Muhtaj seperti berikut:

تجب الكفارة بإفساد صوم رمضان بجماع أثم به بسبب الصوم.

فلا كفارة على ناس ولا مفسد غير رمضان أو بغير جماع

Maksudnya: "Seseorang itu wajib membayar kifarah dengan sebab membatalkan puasa satu harinya dari hari-hari Ramadan dengan melakukan persetubuhan yang ia berdosa dengannya, dengan sebab dia sedang berpuasa. Dengan demikian, tidak wajib kifarah ke atas orang yang lupa dan orang yang membatalkan puasa selain dari melakukan persetubuhan."

viii. Tidak mampu melakukan semua bentuk kaffarah

Pada asalnya, hukum menunaikan kaffarah dengan apa bentuk yang telah ditetapkan oleh Syarak adalah wajib sama ada secara terus sebaik sahaja melakukan kesalahan atau secara bertangguh. Namun demikian, fuqaha berbeza pendapat jika seseorang dalam keadaan uzur atau kesempitan hinggakan tidak mampu menunaikan kaffarah. Terdapat dua pendapat di kalangan ulama mengenai masalah ini.

Kebanyakan ulama berpendapat, kaffarah tidak akan gugur dengan hanya disebabkan ketidakmampuan seseorang menunaikannya. Dan pendapat ini merupakan pendapat kebanyakan ulama. Dengan ini, jika seseorang yang tidak mampu menunaikan kaffarah, maka diberikan tempoh masa untuk menunaikannya, iaitu sehingga dia mampu menunaikannya.

Sementara ulama Mazhab Syafii dan salah satu daripada dua pendapat Imam Syafii menyatakan bahawa kaffarah gugur dengan sendirinya jika orang tersebut tidak mampu untuk menunaikan kaffarah. Pendapat ini dilihat lebih tepat sejajar dengan firman Allah ﷻ :

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ... ﴿٢٨٦﴾

Maksudnya: "Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya..."

(Surah al-Baqarah, ayat 286)

2.6 KESIMPULAN

Dalam Islam, fidyah dan kaffarah adalah suatu bentuk hukuman yang ditetapkan oleh Allah ﷻ dengan tujuan menghapuskan dosa bagi mereka yang melakukan kesalahan atau kecuaiian tertentu. Jadi, ia juga termasuk dalam salah satu bentuk taubat. Melaksanakan fidyah dan kaffarah secara mengeluarkan harta dikira suatu amalan kebajikan jika dilakukan dengan penuh keinsafan dan penghayatan.

Umat Islam haruslah prihatin dan mengambil berat tanggungjawab ibadah yang ditaklifkan kepada mereka. Bagaimanapun dalam usaha melakukan ibadah, mungkin berlaku keuzuran yang menyebabkan ibadah tidak mampu dilakukan atau tidak dapat disempurnakan. Maka di sini Allah ﷻ memberi kelonggaran atau rukhsah supaya ia tidak terlalu membebaskan mereka.

Fidyah dan kaffarah adalah salah satu bentuk rukhsah yang diberikan oleh Allah ﷻ kepada umat Islam yang tidak berkemampuan melaksanakan ibadahnya dengan sempurna serta membebaskan mereka dari belenggu dosa akibat tidak menunaikan taklif ibadah yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka.

Umat Islam perlulah melaksanakan tanggungjawab menunaikan fidyah dan kaffarah ini dengan tepat dan sempurna sebagaimana yang disarankan oleh Allah ﷻ dan Rasul-Nya. Dalam konteks persoalan fidyah dan kaffarah di Malaysia, pihak yang bertanggungjawab khususnya pihak berkuasa agama di negeri-negeri di Malaysia perlu memberikan panduan dan penjelasan kepada umat Islam bagi memudahkan mereka dapat melaksanakan tanggungjawab membayar fidyah dan kaffarah ini dengan mudah dan berkesan.

BAB 3



Firman Allah ﷻ yang bermaksud :

“Barang siapa yang mati sedangkan dia masih mempunyai puasa Ramadan, hendaklah diberi makan seorang miskin bagi setiap hari yang ditinggalkan bagi pihaknya.”

(Hadis riwayat at-Tirmizi)

3.1 PENGENALAN

Bab ketiga ini menerangkan tentang peruntukan perundangan yang merangkumi Perlembagaan Persekutuan dan Akta / Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri serta peranan agensi-agensi berkaitan, antaranya peranan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Di samping mengetengahkan prosedur pentadbiran fidyah dan kaffarah di Baitulmal iaitu prosedur terimaan dan agihan, turut dibincangkan dalam bab ini juga ialah kaedah perakaunan penerimaan dan pengagihan hasil fidyah dan kaffarah.

3.2 MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN) SEBAGAI PEMEGANG AMANAH

Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan meletakkan hal ehwal agama Islam di bawah bidang kuasa Negeri kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Senarai 2 (Senarai Negeri) Jadual Kesembilan memperuntukkan seperti berikut:

*“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut ugama Islam, termasuk berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf Islam dan ta’arif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat ugama, **perlantikan pemegang-pemegang amanah** dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan, kesemuanya sekali dalam negeri; adat istiadat Melayu; zakat fitrah dan **Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya**; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut ugama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut ugama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi kuasa oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut ugama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.”*

Oleh itu, kuasa eksekutif berkaitan hal ehwal Islam adalah menjadi tanggungjawab MAIN dan seterusnya MAIN bertindak sebagai penggubal polisi secara pentadbir agama Islam bagi negeri masing-masing. Secara dasarnya, kebanyakan MAIN di Malaysia tidak mempunyai peruntukan khusus di dalam Akta / Enakmen Negeri berhubung kuasa mengutip fidyah dan kaffarah. Oleh yang demikian, penggunaan frasa Pemegang Amanah dijadikan asas dalam pelaksanaan penerimaan fidyah dan kaffarah. Sebagai contoh, Enakmen Pentadbiran Agama

Islam (Negeri Selangor) tahun 2003, Seksyen 89 menyatakan: *“Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal –*

- (a) semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas;*
- (b) semua nazar am; dan*
- (c) segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak;*

bagi apa-apa harta yang tersentuh oleh wakaf, nazar am atau amanah itu dan terletak di dalam negeri Selangor.”

Walau bagaimanapun, di negeri Sabah secara jelasnya menerangkan peranan Baitulmal menerima dan mengutip fidyah berdasarkan Seksyen 20 (2) (m) Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998 menyatakan:

“Baitulmal terdiri daripada wang tunai dan harta sama ada yang boleh dipindah milik atau tidak mengikut hukum syarak seperti berikut:-...

(m) setiap hutang atau denda tebus diri yang wajib dibayar mengikut Hukum Syarak seperti fidyah-fidyah, langgar sumpah, diat dan sebagainya bolehlah dibayar dan diserahkan kepada Baitulmal.”

3.3 PERANAN AGENSI-AGENSI BERKAITAN

3.3.1 Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

MAIN merupakan agensi yang diamanahkan untuk menerima kutipan fidyah dan kaffarah daripada orang Islam. Justeru, MAIN berperanan penting dalam

mendidik, menyebarkan serta menggalakkan orang Islam membayar fidyah dan kaffarah. MAIN turut bertanggungjawab mengagihkan hasil kutipan kepada mereka yang berhak melalui kaedah yang telah ditetapkan secara teratur dan sistematik sekali gus menambah keyakinan masyarakat kepada MAIN.

3.3.2 Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

JAWHAR bertindak sebagai agensi penyelaras untuk memastikan keseragaman pentadbiran fidyah dan kaffarah di Malaysia dan salah satu usaha ke arah itu adalah dengan menerbitkan Manual Pengurusan Fidyah dan Kaffarah.

3.4 PROSEDUR PENGURUSAN FIDYAH DAN KAFFARAH DI BAITULMAL MAIN

3.4.1 Prosedur Terimaan

Baitulmal MAIN boleh menerima bayaran fidyah dan kaffarah daripada individu melalui kaunter Baitulmal, melalui amil-amil yang dilantik atau melalui laman web Baitulmal. Prosedur pentadbiran fidyah dan kaffarah di Baitulmal MAIN adalah seperti berikut:


- i. Penerangan mengenai konsep fidyah / kaffarah perlu diberikan terlebih dahulu kepada pembayar itu sendiri sama ada melalui penerangan terus daripada pegawai, amil atau melalui keterangan bertulis melalui laman web, pamflet dan sebagainya. Sebagai contoh, soalan lazim (FAQ) berkenaan dengan fidyah / kaffarah. Penerangan mengandungi maklumat berikut:

- (a) Kewajipan menggantikan puasa yang ditinggalkan


- (b) Konsep fidyah / kaffarah
 - (c) Tahun gandaan (fidyah sahaja)
 - (d) Kaedah pengiraan
 - (e) Kadar fidyah / kaffarah
 - (f) Baitulmal sebagai pemegang amanah
- ii. Pengisian borang perlu dilakukan oleh pembayar yang mengandungi maklumat-maklumat berikut:
- (a) Nama pembayar / wakil
 - (b) Alamat
 - (c) Bilangan hari-hari yang ditinggalkan puasa
 - (d) Tahun berapakah puasa itu ditinggalkan
- iii. Perkiraan dilakukan berasaskan formula berikut:
- Fidyah : Bilangan hari x 1 cupak beras x tahun gandaan
- Kaffarah : 10 atau 60 cupak beras (mengikut kesalahan) x bilangan hari/kesalahan
- 1 cupak : bersamaan $\frac{1}{4}$ gantang Bahgdad = 675 gram ($\frac{1}{4}$ fitrah semasa). Perkiraan boleh dilakukan dengan menggunakan kalkulator yang telah ditetapkan dengan memasukkan maklumat yang telah diberikan (sekiranya pembayar tidak mengetahui bilangan puasa yang ditinggalkan, anggarkan (*zhann* yang ghalib) beberapa kadar mengikut kemunasabahan atau kemampuan).
- iv. Pembayaran boleh dibuat berdasarkan perkiraan melalui kaedah berikut:
- (a) Pemberian beras : boleh terus disalurkan ke kaunter agihan.
 - (b) Pembayaran tunai : akan disalurkan ke dalam kumpulan wang amanah fidyah / kaffarah.
 - (c) Cek

(d) Perbankan internet (*internet banking*).

v. Pengeluaran resit Baitulmal MAIN bagi pembayaran fidyah / kaffarah.



Carta Aliran Bayaran Fidyah Dan Kaffarah



3.4.2 Prosedur Agihan

Wang fidyah dan kaffarah yang telah dikumpulkan boleh diagihkan melalui dua kaedah iaitu kaedah agihan kaunter (berterusan) atau kaedah agihan *one off* (sekali gus).

i. Agihan kaunter

Bagi pengagihan fidyah dan kaffarah melalui kaunter di Baitulmal, golongan fakir miskin boleh datang dan mengambil bekalan makanan mentah di kaunter pada masa tertentu. Prosedur pengurusan bagi agihan di kaunter adalah seperti berikut:

- (a) Penyediaan kertas cadangan agihan. Kertas cadangan pengagihan fidyah / kaffarah perlu dibuat dengan telus dan berlandaskan syariah. Kertas cadangan tersebut hendaklah mengandungi perkara berikut:
 - Kaedah agihan
 - Lokasi
 - Sasaran agihan
 - Masa: setahun, bulanan, *one off*
 - Anggaran perbelanjaan
 - Cadangan agihan: beras, bekalan makanan, tunai dan sebagainya
 - Pandangan Mufti (jika perlu)
- (b) Kertas cadangan tersebut akan dibentangkan untuk mendapat kelulusan Jawatankuasa yang terlibat seperti Jawatankuasa Baitulmal.
- (c) Proses perolehan perlu dilakukan melalui sebut harga atau tender kerana melibatkan perbelanjaan yang tinggi dan berterusan:
 - Hendaklah memastikan peruntukan fidyah / kaffarah cukup untuk perbelanjaan tersebut.

- Barangan yang dibeli itu tidak mudah rosak seperti makanan yang telah dibungkus dan dalam tin seperti beras, gula, susu dan sebagainya.
- Baitulmal perlu menyediakan ruang stor yang muat dan selamat untuk menyimpan barangan tersebut.

(d) Pegawai kaunter yang menguruskan pengagihan makanan akan menggunakan Borang Pengagihan Fidyah / Kaffarah (**Lampiran 1**) untuk mendapatkan kelulusan pegawai berkaitan berdasarkan maklumat berikut:


- Bilangan barangan yang akan diagihkan
- Tempat agihan
- Stok barangan mencukupi

(e) Penyerahan barangan kepada fakir miskin di kaunter dengan menggunakan Borang Pengagihan Bekalan Makanan (Fidyah/Kaffarah) (**Lampiran 2**) yang mengandungi maklumat berikut:

- Nama
- No. Kad Pengenalan
- Alamat
- Bilangan tanggungan
- Pendapatan
- Bilangan barangan

(f) Merekod agihan yang dilakukan dalam fail yang berkenaan untuk rujukan.


**Carta Aliran Agihan Fidyah dan Kaffarah Secara Kaunter
(Agihan Dalam Bentuk Bekalan Makanan Mentah)**




ii. Agihan sekali gus

Agihan *one off* ialah agihan terus kepada fakir miskin yang telah ditentukan seperti pemberian makanan atau tunai kepada asnaf zakat (fakir miskin) pada masa tertentu.

Kebiasaannya agihan ini dibuat mengikut bulan yang ditentukan berdasarkan baki wang fidyah / kaffarah itu dikumpulkan pada masa tertentu.

- (a) Senarai pendek penerima agihan ini telah ditetapkan pada peringkat awal penyediaan kertas cadangan seperti senarai pendek fakir miskin daripada asnaf zakat.
- (b) Penyediaan cadangan (sebagai mana di perenggan 3.4.2 (i) (a)).
- (c) Kertas cadangan perlu mendapat kelulusan oleh Jawatankuasa yang berkaitan berdasarkan penerima yang telah diketahui.
- (d) Pemberian makanan bermasak hendaklah melalui proses perolehan, manakala pemberian tunai agihan terus ke akaun penerima.
- (e) Merekodkan agihan yang dilakukan dalam fail yang berkenaan untuk rujukan.


**Carta Aliran Agihan Fidyah dan Kaffarah Secara Sekali Gus
(Agihan Dalam Bentuk Tunai, Pakaian dan Makanan Bermasak)**



3.5 KAEDAH PERAKAUNAN UNTUK PENERIMAAN DAN PENGAGIHAN HASIL FIDYAH DAN KAFFARAH

Kaedah perakaunan hasil fidyah dan kaffarah menerima pakai kaedah-kaedah perakaunan sedia ada yang mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dengan penambahbaikan bagi mematuhi kehendak Syarak.

Tatacara perakaunan di bawah adalah bertujuan untuk memberi penerangan dan sebagai satu panduan umum kepada Baitulmal MAIN mengenai klasifikasi dan peruntukan perakaunan dalam penerimaan dan pengagihan hasil fidyah dan kaffarah. Tatacara perakaunan ini perlu direkodkan di setiap peringkat transaksi yang dijalankan dan rekod-rekod perakaunan ini akan dibuat di peringkat-peringkat berikut

3.5.1 Penerimaan hasil fidyah dan kaffarah

Apabila pihak Baitulmal MAIN menerima hasil fidyah dan kaffarah, Baitulmal perlu mengemaskini rekod dan tatacara perakaunan seperti berikut :

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Tunai / Akun Bank	xxx	
Akaun Amanah Fidyah / Kaffarah		xxx

3.5.2 Pengagihan hasil fidyah dan kaffarah

Bagi agihan hasil fidyah dan kaffarah ini adalah menjadi tanggungjawab Baitulmal MAIN sebagai pemegang amanah untuk memastikan agihan hasil fidyah dan kaffarah dapat disalurkan kepada penerima yang berhak. Baitulmal MAIN boleh melaksanakan dengan pelbagai kaedah agihan fidyah dan kaffarah seperti di bawah:

i. Melalui daftar asnaf fakir miskin:

- (a) Bantuan beras secara terus kepada fakir miskin yang telah dikenal pasti melalui daftar fakir miskin dalam asnaf zakat.
- (b) Bantuan barangan keperluan makanan secara terus kepada fakir miskin yang telah dikenal pasti melalui daftar fakir miskin dalam asnaf zakat.
- (c) Bantuan tunai secara terus kepada fakir miskin yang telah dikenal pasti melalui daftar fakir miskin dalam asnaf zakat.

ii. Melalui kaunter agihan fidyah dan kaffarah:

- (a) Pemohon yang layak boleh memohon bantuan beras.
- (b) Pemohon yang layak boleh memohon bantuan keperluan makanan.
- (c) Pemohon yang layak boleh memohon bantuan tunai.


Apabila pihak Baitulmal MAIN menerima permohonan agihan hasil fidyah dan kaffarah, Baitulmal perlu mengemaskini rekod dan tatacara perakaunan seperti berikut:

PERKARA	DEBIT (RM)	KREDIT (RM)
Akaun Amanah Fidyah / Kaffarah	xxx	
Akaun Tunai / Akaun Bank		xxx

3.6 KESIMPULAN

Secara amnya, pengurusan fidyah dan kaffarah di Malaysia telah dilaksanakan dengan baik oleh pihak Baitulmal MAIN sebagai pihak rujukan dan penyaluran bagi pembayaran denda fidyah dan kaffarah untuk diagihkan kepada fakir miskin. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak ruang yang boleh dilakukan penambahbaikan dalam pelbagai aspek pengurusan fidyah dan kaffarah supaya Baitulmal MAIN dapat berfungsi sebagai *one stop centre* bagi umat Islam menyelesaikan permasalahan atau tuntutan agama terutama yang melibatkan harta.

Pengurusan fidyah dan kaffarah yang bersistematik di setiap Baitulmal MAIN akan dapat menyumbang ke arah pembasmian kemiskinan kerana denda fidyah dan kaffarah dalam bentuk makanan, pakaian atau pun wang tunai disalurkan kepada golongan fakir miskin yang berhak. Yang lebih penting lagi, dengan membayar fidyah dan kaffarah, umat Islam dapat menyempurnakan ibadah yang tidak dapat dilaksanakan atau kerana kecuaiannya seterusnya membebaskan mereka daripada dosa atau tanggungan yang belum ditunaikan sebagaimana dituntut oleh Syarak.



PENUTUP

Firman Allah ﷻ yang bermaksud:

“Sesiapa yang mati dan meninggalkan puasa maka berpuasa baginya oleh walinya”

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

4.1 PENGENALAN

Penerbitan MPFK ini diharap akan dapat memberikan kesedaran dan kefahaman kepada pihak Baitulmal MAIN dan masyarakat umum tentang pengurusan secara sistematik fidyah dan kaffarah yang amat berkait rapat dengan kesempurnaan ibadat. Sekiranya seseorang itu lalai atau tidak dapat menyempurnakan ibadat mengikut syarat-syarat yang ditetapkan serta dikehendaki membayar fidyah atau kaffarah, maka bayaran tersebut merupakan ganti atau denda bagi menghapuskan dosa di atas kelalaian tersebut dan wajib untuk dilaksanakan dengan sepenuh hati.

Justeru, setiap individu dan organisasi yang terbabit adalah berhak untuk bertindak berdasarkan panduan yang telah diperjelaskan dalam MPFK ini yang meliputi konsep fidyah dan kaffarah, pengurusan serta prosedur tadbir urus terbaik fidyah dan kaffarah bagi umat Islam. Diharapkan agar dengan penerbitan MPFK ini, masyarakat akan lebih sedar tentang kewajipan membayar fidyah dan kaffarah bagi mereka yang tidak dapat menyempurnakan ibadah tertentu terutamanya puasa serta saluran-saluran yang boleh dilakukan pembayaran fidyah dan kaffarah menurut Syariat Islam.

4.2 LANGKAH-LANGKAH MEMPERKASA PENGURUSAN FIDYAH DAN KAFFARAH DI BAITULMAL MAIN

- i. Cadangan penambahbaikan pengurusan fidyah dan kaffarah**
 - (a) Mengguna pakai akta atau enakmen undang-undang negeri yang telah diluluskan untuk membolehkan urusan mengutip dan menguruskan hasil fidyah dan kaffarah dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dan telus.
 - (b) Mewujudkan bahagian yang khusus diuruskan oleh kakitangan tertentu yang memiliki kemahiran menilai dan membuat keputusan untuk menguruskan hal-ehwal berkaitan fidyah dan kaffarah di setiap Baitulmal MAIN bagi membolehkan urusan pentadbiran dilaksanakan dengan berkesan.
 - (c) Menguar-uarkan tentang fungsi Baitulmal MAIN sama ada melalui media cetak dan media elektronik yang menguruskan wang amanah fidyah dan kaffarah agar mudah bagi masyarakat Islam berurusan untuk melaksanakan pembayaran denda fidyah dan kaffarah.
 - (d) Menggunakan bantuan luar iaitu struktur yang sedia ada sebagai contoh pegawai-pegawai masjid dan amil-amil yang dilantik di setiap negeri bagi memudahkan urusan penerimaan dan pengumpulan wang fidyah dan kaffarah.
 - (e) Menyediakan sistem pengiraan yang berkesan bagi memudahkan individu atau pegawai untuk membuat pengiraan. Sebagai contoh, mewujudkan sistem pengiraan dan pembayaran secara online di setiap institusi agama negeri yang berkaitan.
 - (f) Mengasingkan agihan fidyah dan kaffarah daripada bercampur dengan agihan zakat. Contohnya

mengadakan program khas untuk mengagihkan wang kutipan fidyah dan kaffarah kepada fakir miskin, ini secara tidak langsung menyedarkan masyarakat bahawa kewajipan membayar denda fidyah dan kaffarah adalah suatu keperluan yang perlu diberi perhatian.

ii. Penyeragaman pentadbiran fidyah dan kaffarah di negeri-negeri

Mengetengahkan konsep bahawa Baitulmal MAIN adalah institusi tunggal yang mampu menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kutipan dan agihan fidyah dan kaffarah bagi mewakili masyarakat Islam.

Setiap Baitulmal MAIN yang menguruskan hal-ehwal berkaitan fidyah dan kaffarah mempunyai undang-undang yang membolehkannya mengurus dan mengagihkan wang yang terkumpul dalam akaun amanah tanpa melibatkan pihak luar, sebagai contoh :

(a) Akta 505 Seksyen 61 bagi negeri Wilayah Persekutuan menggariskan:

Walau apa pun apa-apa peruntukan yang bertentangan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau pengisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada Wakaf Am atau Wakaf Khas, semua Nazar Am, dan semua amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut hukum syarak.

(b) Enakmen Perbadanan Baitulmal Sabah 1998 di bawah kumpulan baitulmal, Bahagian IV Seksyen 20 menggariskan:

Setiap hutang atau denda tebus diri yang wajib dibayar mengikut Hukum Syarak seperti fidyah-fidyah langgar sumpah, diat dan sebagainya boleh dibayar dan diserahkan kepada Baitulmal.

Justeru pihak luar tidak boleh mencampuri urusan mengutip dan mengagihkan wang akaun amanah berkaitan fidyah dan kaffarah kerana setiap negeri secara jelas menggariskan peruntukan undang-undang yang membolehkan mereka menguruskan hal berkaitan fidyah dan kaffarah di bawah institusi agama Islam negeri.

iii. Penyeragaman kadar fidyah di seluruh negara

Kadar fidyah merujuk kepada harga secupak beras iaitu $\frac{1}{4}$ gantang beras sebagai makanan asasi bagi penduduk di Malaysia. Harganya juga bergantung kepada harga zakat fitrah yang akan ditentukan oleh setiap Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Agama Islam Negeri yang dipengerusikan oleh Mufti negeri masing-masing dan dipersetujui oleh Yang di-Pertuan Agong atau Sultan sebagai Ketua Agama Islam bagi setiap negeri.

Untuk mengelakkan berlakunya perbezaan ketara tentang harga fidyah bagi setiap negeri di Malaysia, pihak Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri yang dipengerusikan oleh Mufti perlu menentukan satu jenis beras yang banyak digunakan oleh masyarakat Islam di seluruh negara dan tidak hanya bergantung kepada rakyat negeri berkenaan kerana ramai rakyat negeri lain yang bermastautin di sesuatu negeri kerana bekerja, belajar dan sebagainya.

Mengikut Mazhab Syafii, fidyah hendaklah dibayar dengan makanan ruji (*qut al-balad*) dan tidka boleh dibayar dengan nilainya. Bagaimanapun, negeri-negeri di Malaysia telah menetapkan untuk menerima nilai atau harga beras itu bagi menggantikan beras dalam kes zakat fitrah, fidyah dan

kaffarah kerana ia lebih sesuai dengan kemaslahatan umum dan realiti semasa.

4.3 IMPAK

Menerusi MPFK ini, beberapa implikasi positif adalah diharapkan seperti berikut:

i. Peningkatan ilmu pengetahuan dan kefahaman umat Islam tentang konsep fidyah dan kaffarah

Menerusi penerbitan MPFK ini, umat Islam berkesempatan untuk menambah ilmu pengetahuan dan kefahaman mereka melalui pembacaan dalam bab yang menyentuh konsep fidyah dan kaffarah serta dalil-dalil daripada al-Quran dan Hadis. Seterusnya, penerangan tentang pengurusan fidyah dan kaffarah di Malaysia akan memperjelaskan kepada para pembaca tentang saluran-saluran serta prosedur tadbir urus fidyah dan kaffarah di Malaysia yang dilaksanakan oleh pihak MAIN.

ii. Peningkatan masyarakat Islam yang menunaikan fidyah dan kaffarah

Dengan meningkatnya ilmu pengetahuan dan kefahaman umat Islam berkaitan fidyah dan kaffarah, maka kesedaran mereka akan meningkat. Justeru, orang Islam yang diwajibkan ke atasnya untuk membayar fidyah atau kaffarah dan belum menunaikannya kerana kurang pengetahuan atau kesedaran sebelum ini, mereka akan bersegera untuk melangsaikan bayaran tersebut supaya beban yang bertanggung akan terlepas dan dosa daripada ketidaksempurnaan melaksanakan ibadat dapat terhapus.

iii. Pengurusan fidyah dan kaffarah yang seragam di setiap Baitulmal MAIN

Penerbitan MPFK ini juga bertujuan menyediakan garis panduan serta prosedur jelas dan seragam berkaitan tadbir

urus terbaik pengurusan fidyah dan kaffarah di semua Baitulmal MAIN. Justeru, menerusi bab yang menyentuh prosedur pengurusan fidyah dan kaffarah, diharapkan akan menjadi garis panduan yang berguna kepada pihak Baitulmal MAIN dalam melaksanakan pengurusan fidyah dan kaffarah bagi umat Islam. Sekiranya diaplikasikan secara istiqamah, institusi Baitulmal negara pasti akan dipandang tinggi oleh masyarakat umum dan dunia luar kerana kesepaduan sistem yang diguna pakai sepenuhnya dalam menjaga kebajikan umat Islam di negara kita.

4.4 KESIMPULAN

MPFK merupakan salah satu daripada Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang berperanan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada MAIN dan masyarakat umum dalam usaha JAWHAR mencapai Teras Strategik 1 dalam Pelan Strategik 2007-2011 iaitu "Pengukuhan Institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji selaras dengan Syariah demi peningkatan sosioekonomi ummah". Justeru penerbitan MPFK ini adalah selaras dengan objektif utama Teras Strategik tersebut iaitu mewujudkan sistem tadbir urus terbaik yang seragam sebagai garis panduan dan rujukan MAIN. Maklum balas positif dan sokongan padu MAIN dan masyarakat umum adalah diharapkan agar usaha penambahbaikan dan pemantapan MPFK ini dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa.

**BORANG PENGAGIHAN FIDYAH / KAFFARAH
MAJLIS AGAMA ISLAM _____**

Alamat :

A. PERMOHONAN BARANGAN

BIL.	BARANGAN	KUANTITI
1	Beras 5 kg	
2	1 beg bekalan makanan mentah	

Untuk diagihkan di

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

B. PENGESAHAN BAKI BARANGAN OLEH PEGAWAI STOR

BIL.	BARANGAN	KUANTITI
1	Beras 5 kg	
2	1 beg bekalan makanan mentah	

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

C. KELULUSAN

Diluluskan / Tidak diluluskan

Ulasan.....

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

LAMPIRAN 2

**BORANG PENGAGIHAN BEKALAN MAKANAN (FIDYAH / KAFFARAH)
MAJLIS AGAMA ISLAM _____**

Alamat :

Nama : _____

No. K/P : _____

Alamat : _____

Nama Suami / Isteri : _____

No. K/P : _____

Bil. Anak Dalam Tanggungan : _____

Tandatangan : _____


(UNTUK KEGUNAAN PEJABAT)

BIL.	BARANGAN	KUANTITI
1	Beras 5 kg	
2	1 beg bekalan makanan mentah	

Barangan ini diberi kepada penama di atas oleh :

Nama : _____ Tarikh : _____

Jawatan : _____



RUJUKAN

A. Buku / Kitab

1. 'Abd al-'Azim Badawi, *al-Wajiz fi Fiqh al-Sunnah wa al-Kitab al-'Aziz*, 2001, Dar Ibn Rajab, al-Mansurah, Mesir.
2. 'Abd al-Karim Zaydan, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, 2001, Mu'assasah al-Risalah, Beirut.
3. Abu 'Abdillah Badr al-Din Muhammad al-Zarkashi, *al-Manthur fi al-Qawa'id Fiqh Syafi'i*, 2000, Jld. 1, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut.
4. Abu 'Abdillah Muhammad ibn 'Abd al-Rahman al-Dimasyqi, *Rahmat al-Ummah fi Ikhtilaf al-A'immah*, 1996, Dar al-Fikr, Beirut.
5. Abu 'Abdillah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, *Tafsir al-Qurtubi*, 2004, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut.
6. Abu Muhammad Mahmud ibn Ahmad al-'Aini, *al-Banayah fi Syarh al-Hidayah*, 1980, Jld. 3, Dar al-Fikr, Beirut.
7. Abu Zakariyya Yahya ibn Syaraf al-Nawawi, *Minhaj al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin*, Dar al-Ma'rifah, Beirut.
8. Anwar Mahmud Zanati, *al-Rasyid Mu'jam al-Mustalahat al-Islamiyyah*.
9. Ibn al-Husayn Ahmad ibn Faris ibn Zakariyya, *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, 1971, Mustafa al-Babi al-Halabi, Mesir.
10. Ibn Qudamah Abu Muhammad 'Abdillah ibn Ahmad, *al-Mughni*, 1992, Jld. 4, Hajar Li, Kaherah.
11. Muhammad 'Abd al-Qadir Abu Faris, *al-Ayman wa al-Nuzur*, 1988, Dar al-Arqam, 'Amman, Jordan.

12. Muhammad ibn Idris al-Syafi'i, *Ahkam al-Qur'an*, 1400H, Jld. Dar al-Kitab al'Ilmiyyah, Beirut.
13. Muhammad Idris 'Abd al-Ra'uf al-Marbawi, *Kamus Idris al-Marbawi Arab-Melayu*, 1998, Darul Nu'man, Kuala Lumpur.
14. Mustafa al-Khin et. al., *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i*, 1998, Dar al-Qalam, Damsyiq.
15. Sa'di Abu Jayb, *al-Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*, 1988, Dar al-Fikr, Beirut.
16. Sayid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1977, Dar al-Kitab al-'Arabi, Beirut.
17. Sheikh Abdullah bin Mohd Basmeih & Muhammad Noor bin Ibrahim, *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (30 Juz)*, 2000, Dar al-Kitab, Kuala Lumpur.
18. Sheikh Muhammad al-Khatib al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, Jld. 1, Dar al-Ma'rifah, Beirut.
19. Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, 1985, Jld. 1 & 4, Dar al-Fikr, Damsyiq.

B. Laman Web

1. Al-Durar al-Sunniyyah, lihat dalam <http://www.dorar.net/enc/> hadith akses pada 2 November 2011.
2. Portal Rasmi Fatwa Malaysia, lihat dalam <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fidyah-sembahyang-dan-puasa-2> akses pada 2 November 2011.
3. Portal Rasmi Fatwa Malaysia, lihat dalam <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/program-pembayaran-fidyah-sembahyang-dan-khatam-al-quran-bagi-orang-yang-telah-meninggal> akses pada 2 November 2011.
4. Portal Rasmi Fatwa Malaysia, lihat dalam <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fidyah-sembahyang-dan-puasa-1> akses pada 2 November 2011.
5. Quran Explorer, lihat dalam <http://www.quranexplorer.com/Quran/Default.aspx> akses pada 2 November 2011.
6. Sistem Pengurusan Fatwa INFAD, lihat dalam http://www.e-infad.my/index.php?option=com_fatwa&task=viewlink&linkid=1938&Itemid=48 akses pada 2 November 2011.
7. Sistem Pengurusan Fatwa INFAD, lihat dalam http://www.e-infad.my/index.php?option=com_fatwa&task=viewlink&linkid=1884&Itemid=48 akses pada 2 November 2011.